



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3625]

USUL-USUL:

Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua
[Ruangan 3665]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3724]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Isnin, 3hb Disember, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P. Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- ” Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- ” Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- ” Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- ” Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- ” Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut). *
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, Y. M. TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK ENGGU MUHSEIN BIN ENGGU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

DASAR LUAR NEGERI

1. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Luar Negeri oleh kerana banyak perubahan telah berlaku di kawasan Pasifik dan dunia, adakah beliau akan menimbang;

- (a) untuk membincangkan polisi luar negeri dengan ketua-ketua Parti Pembangkang bagi mencantumkan polisi luar yang akan mencerminkan pandangan-pandangan rakyat seluruh negara; dan
- (b) menghantarkan perwakilan untuk persidangan antarabangsa yang menganungi ahli-ahli dari semua parti politik pada masa akan datang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam merancang dan menjalankan dasar luar negeri kita, sebagai Kerajaan yang berdemokratik dan bertanggungjawab, Kerajaan tentulah menimbang dan mengambil berat atas pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat dari semua rakyat kita. Pihak parti-parti Pembangkang sendiri mempunyai peluang yang cukup, di dalam dan di luar Dewan ini, untuk menyuarakan pendapat-pendapat mereka mengenai dasar luar negeri. Penyertaan dan pendapat-pendapat mereka adalah disambut baik oleh Kerajaan kerana ianya sejajar dengan corak pemerintahan secara demokratik Kerajaan kita.

Di bawah sistem demokrasi kita, Kerajaan adalah bertanggungjawab bagi merancang dan menjalankan dasar luar negeri kita. Kebanyakan persidangan-persidangan antarabangsa adalah bercorak teknikal dan dari itu para perwakilan kita adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan sahaja. Sekiranya perlu, Menteri-menteri berkenaan mungkin mengetuai delegasi kita.

PENGISYTIHARAN KUALA LUMPUR

2. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Luar Negeri menerangkan apakah yang ditunjukkan oleh Malaysia di Persidangan Negara-negara berkecuali di Algeria baru-baru ini berhubung dengan konsep Perisytiharan Kuala Lumpur untuk mewujudkan satu kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara dan apakah sambutan yang diterima dari perwakilan-perwakilan persidangan tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan Negara-negara Berkecuali di Algiers baru-baru ini, ketua-ketua negara dan Kerajaan negara-negara berkecuali telah menerima Perisytiharan Kuala Lumpur untuk Tenggara Asia diiktirafkan sebagai satu wilayah yang aman, bebas dan berkecuali. Perenggan mengenai Perisytiharan Kuala Lumpur itu adalah terkandung di dalam Perisytiharan Politik Algiers dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat berikut adalah petikan perenggan itu:

“Ketua-ketua negara dan Kerajaan menyambut baik akan Perisytiharan Kuala Lumpur yang bertujuan untuk mengujudkan satu wilayah yang aman, bebas dan berkecuali, bebas dari segala corak campurtangan oleh kuasa-kuasa luar dari rantau ini dan berpuas hati melihat kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan dan objektif-objektif Perisytiharan itu”.

Mereka menganggap perisytiharan itu sebagai satu sumbangan yang positif dalam menegakkan keamanan dan keselamatan Antarabangsa dan merayu kepada semua negara-negara untuk menghormati akan prinsip-prinsip dan objektifnya. Mereka menyatakan harapan agar semua tentera-tentera asing termasuk pengkalan-pengkalan-nya yang ada di rantau itu dihapuskan.

PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI NEW ZEALAND

3. **Tuan Edmund Langgu anak Saga** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada terdapat sebarang bukti yang nyata terhadap tuduhan yang dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand bahawa penuntut-penuntut Malaysia di sana diresapi oleh ajaran-ajaran dan daayah-daayah kominis dengan bantuan suatu kuasa luar, dan jika ya, samada

Kerajaan akan menubuhkan suatu badan penyiasatan yang bebas untuk menyiasat perkara ini supaya imej penuntut-penuntut dan wakil-wakil kita di luar negeri tidak akan menjejaskan nama baik kita di kalangan antarabangsa pada masa akan datang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mendapat satu laporan dari Pesuruhjaya Tinggi kita di New Zealand berhubung dengan perkara ini iaitu berdasarkan pemerhatiannya terhadap keadaan di sana.

Saya fikir, kita tidak harus terlalu bimbangkan perkara ini. Negara kita adalah negara demokrasi dan rakyatnya boleh memberi pandangan mereka secara bebas. Adalah menjadi perkara biasa bagi pelajar-pelajar mempunyai pendapat-pendapat yang radikal serta menyuarakannya sedemikian. Perkara ini berlaku di seluruh dunia dan bukan pada masa ini bahkan pada masa dahulu. Dan jikalau kita tinjau ke belakang semasa kita masih penuntut-penuntut pun tentulah kita dapat melihat perkara ini dari sudut (perspective) yang betul.

Kita tidak mendapat bukti yang terang yang menunjukkan bahawa penuntut-penuntut kita telah diberi bantuan atau di "indoctrinate" oleh sebarang kuasa asing. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan dan kedutaan-kedutaan/wakil-wakil kita di luar negeri untuk menerangkan dengan terang dan sepenuh-penuhnya akan dasar serta kemajuan-kemajuan negara kita, supaya orang-orang lain termasuk pelajar-pelajar kita dapat membuat kesimpulan mereka sendiri. Apabila mereka mengetahui semua butir-butir yang perlu, saya percaya mereka akan membuat keputusan yang betul.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan laporan yang diterima oleh Kerajaan Malaysia yang dihantar oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand, adakah laporan ini betul atau khabar-khabar angin sahaja?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini laporan yang betul, bagaimana hendak kata khabar angin laporan yang saya sendiri terima.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau laporan ini betul,

apakah langkah-langkah Kerajaan hendak ambil berkenaan dengan penuntut-penuntut yang belajar di New Zealand?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi langkah-langkah yang kita hendak ambil.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Ahli Yang Berhormat tidak faham?

Tuan Ng Hoe Hun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Kalau faham jangan menghabiskan masa.

Tuan Ng Hoe Hun: Sudah faham, sebab itulah saya duduk, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

KERAJAAN KEMBOJA

4. **Tuan Loh Jee Mee** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilakah Kerajaan akan mengiktirafkan dengan resminya Kerajaan buangan Kemboja di bawah Putera Norodom Sihanouk.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam kedudukan pada masa ini, Kerajaan Malaysia menganggap Kerajaan yang berkuasa di Phnom Penh di bawah pimpinan Presiden Lon Nol sebagai Kerajaan yang sah. Kerajaan saya juga sedar bahawa Kerajaan buangan di bawah pimpinan Putera Sihanouk telah mengakui ianya sebagai Kerajaan yang sah yang sedang mencabar kuasa Presiden Lon Nol itu. Terpulanglah kepada rakyat Kemboja untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri tanpa campurtangan dari kuasa asing. Malaysia akan menerima dan mengiktiraf apa sahaja Kerajaan yang dipilih sendiri oleh rakyat Kemboja.

ELAUN TAMBAHAN KEPADA PESARA

5. **Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Perdana Menteri menyatakan samada 25,000 orang pencen yang akan menerima elaun-elaun tambahan sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh beliau pada 27-9-1973 akan termasuk mereka di Sarawak.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, angka 25,000 orang pesara yang akan menerima elaun tambahan seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27hb September, 1973 itu adalah tidak meliputi pesara-pesara di Sarawak. Walaubagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji untuk melanjutkan bayaran elaun-elaun tambahan tersebut kepada pesara-pesara di Negeri-negeri Sarawak dan Sabah.

JURUTERA-JURUTERA MALAYSIA

6. Tuan Loh Jee Mee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan amat kekurangan jurutera-jurutera dalam perkhidmatan Kerajaan yang benar-benar menghalangi usaha mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kedua, dan niat Kerajaan hendak mengambil jurutera-jurutera dari Bangladesh, Korea dan negara-negara lain, samada beliau akan menimbang terlebih dahulu untuk mengambil jurutera-jurutera Malaysia yang telah lulus dari universiti-universiti India dan Formosa sebelum mengambil masuk orang-orang dari luar negeri.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada Jurutera-jurutera Malaysia yang berkelayakan dan mendapat pengiktirafan. Semua Jurutera-jurutera yang mempunyai kelulusan di mana Ijazah mereka itu layak untuk didaftarkan dengan Instituti Kejuruteraan Malaysia, maka kelayakan mereka adalah diiktirafkan dengan tidak mengira samada mereka mendapat kelulusan dari Universiti-universiti India, Formosa ataupun negara-negara lain.

Oleh yang demikian, soal samada Kerajaan akan mengambil Jurutera-jurutera Malaysia yang telah lulus dari Universiti-universiti India dan Formosa sebelum mengambil masuk orang-orang dari luar negeri tidaklah berbangkit.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan apakah langkah-langkah

yang diambil oleh Kerajaan untuk mempelawa balik rakyat Malaysia yang bekerja sebagai jurutera-jurutera di luar negeri, terutama sekali di Singapura, barangkali ada juga di England dan di Australia.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat bahawa pada pertengahan tahun 1974 lebih kurang 100 siswazah-siswazah kejuruteraan iaitu pemegang biasiswa Persekutuan akan tamat pengajian mereka dan mereka akan berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.

Tuan Valentine Cotter: Tuan Yang di-Pertua, berapa banyakkah jurutera-jurutera yang kita kehendaki sekarang? Dan adakah Kerajaan fikir perkara ini penting atau tidak?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Soalan ini penting, Tuan Yang di-Pertua, tetapi untuk mengetahui bilangan jurutera yang dikehendaki sekarang ini, saya berkehendakkan notis.

Tuan Valentine Cotter: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan sedar masa hendak melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua adalah panjang. Adakah masaalah kekurangan jurutera sekarang Kerajaan akan berfikir bahawa perkara ini akan menghalang usaha mencapai matlamat Rancangan Malaysia Yang Kedua kelak?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan tadi bahawa pada tahun hadapan ini 100 siswazah-siswazah kejuruteraan yang memegang biasiswa Kerajaan Persekutuan akan tamat pengajian mereka. Disamping itu pihak Kerajaan juga sekarang ini sedang mengambil jurutera-jurutera kontrek daripada lain-lain negeri.

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan negeri Bangladesh, ada atau tidak Kerajaan Malaysia sekarang ada melantik jurutera-jurutera dari Bangladesh?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Memang ada, tetapi di dalam rundingan.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, sebagai menarik rakyat Malaysia supaya balik ke Malaysia ini untuk bertugas dengan

Kerajaan, adakah Kerajaan bercadang supaya gaji jurutera ini akan dikaji semula, oleh kerana gaji jurutera di pejabat-pejabat Kerajaan adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan swasta dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jawapan Timbalan Menteri tadi bahawa sekarang dalam rundingan, saya ingin tahu sekarang Kerajaan Malaysia berunding dengan siapa?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Bangladesh.

Tuan Ng Hoe Hun: Rundingan itu sudah diadakan di mana? Di Malaysia atau di Bangladesh?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini barangkali kurang tahu akan proses perjalanan Kerajaan. Segala perundingan dijalankan menerusi saluran-saluran biasa di antara kedua-dua Kerajaan.

Tuan Valentine Cotter: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa ramai jurutera-jurutera telah berhenti, seperti di Jabatan Kerja Raya oleh sebab gajinya tidak memuaskan. Adakah Kerajaan bercadang mereka itu diambil semula bekerja dan diberi gaji yang berpututan?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Itu soalan lain. Tetapi soal kedudukan gaji ini memang dikaji oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan saluran tadi yang dikatakan oleh Timbalan Menteri itu bilakah Dewan Rakyat boleh mendapat tahu keputusan saluran-saluran ini?

Tuan Yang di-Pertua: Bila Ahli Yang Berhormat itu bertanya boleh diberitahu. *(Ketawa)*

Tuan Ng Hoe Hun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

LAPURAN HARUN

7. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah beliau akan melaksanakan pendapat Lapuran Harun; dan
- (b) bilakah kakitangan Kerajaan yang bersara dijangka akan mendapat sekim pencen mereka yang telah disemak semula.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berkenaan dengan bahagian pertama soalan ini, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu Suruhanjaya Gaji Harun telah menyediakan Jilid I dan Jilid II Lapurannya berkenaan dengan Penguasa-penguasa Tempatan (Local Authorities) pada bulan April, 1973 dan bulan Julai, 1973.

Laporan-laporan tersebut telahpun diedarkan kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja yang berkenaan untuk mendapatkan ulasan mereka sebelum Kerajaan membuat keputusan. Setakat ini, ada beberapa Kesatuan Sekerja yang masih belum lagi memberi ulasan-ulasan mereka atas Lapuran-laporan tersebut berkenaan dengan Penguasa-penguasa Tempatan.

Bagi pihak Kerajaan, Kerajaan telah juga melantik sebuah Jawatankuasa Pegawai-pegawai untuk mengkaji Lapuran Pertama itu dan Jawatankuasa itu telahpun menyiapkan tugasnya. Seterusnya setelah mendapat ulasan balas dari Suruhanjaya Gaji Harun terhadap Jawatankuasa Pegawai-pegawai itu dan ulasan-ulasan dari Kesatuan Sekerja, maka Kerajaan akan menimbangkan Lapuran itu bersama dengan ulasan-ulasan dari semua pihak. Setelah tatacara tersebut diuruskan barulah dapat Kerajaan menimbangkan perlaksanaannya.

Laporan Suruhanjaya Gaji Harun mengenai Badan-badan Berkanun adalah mengandungi 2 jilid, iaitu Jilid I dan Jilid II. Setakat ini, Kerajaan telah menerima Jilid II Lapuran tersebut dalam bulan November tahun ini dan Jilid ini telahpun dihantar kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja melalui Pihak Pekerja Majlis Bersama

Kebangsaan bagi Badan-badan Berkanun untuk mendapat ulasan mereka. Jilid I dijangka akan siap pada hujung bulan Disember, 1973.

- (b) Dalam bulan September lalu saya telah mengumumkan keputusan Kerajaan untuk membayar elaun tambahan kepada pesara-pesara sebelum pelaksanaan Lapuran Suffian, yang menerima pencen pokok kurang daripada \$594 sebulan. Elaun tambahan ini akan menggantikan elaun sara hidup yang dibayar sekarang. Di samping itu, Kerajaan juga telah memutuskan supaya memulihkan kembali bayaran pencen-pencen kepada seseorang pesara yang telah genap tempoh persaraannya selama 12½ tahun. Kedua-dua keputusan ini akan berkuatkuasa mulai daripada 1hb Januari, 1973 dan akan melibatkan lebih-kurang 25,000 pesara di Semenanjung Malaysia dan 10,000 pesara yang bermastautin di luar negara kita. Oleh kerana ramai yang terlibat, maka pencen dan elaun mengikut kadar baru akan mengambil masa untuk dilaksanakan, sepertimana saya telah maklumkan terlebih dahulu itu dan pesara-pesara hendaklah bersabar sedikit. Berikutan dari itu Kerajaan juga telah memutuskan untuk membayar elaun bantuan khas kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang sedang berkhidmat dan yang telah bersara, yang menerima gaji atau pencen kurang daripada \$500 sebulan. Bayaran ini telah dikuatkuasakan dari 1hb Oktober tahun ini dan akan melibatkan 8,000 pesara lagi. Pelaksanaan pembayaran pencen kadar baru akan memerlukan kajian rekod lebih kurang 43,000 pesara dan kiraan semula pencen dan elaun mereka. Adalah dijangka pembayaran mengikut kadar baru akan dibuat dalam bulan Januari atau Februari tahun hadapan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut keterangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau menyatakan hampir 25,000 pesara-pesara yang duduk di Semenanjung Malaysia, adakah beliau sedar kebanyakan daripada 25,000 pesara-pesara itu mereka menerima pencen kurang daripada \$100 sebulan? Dengan hal demikian, bolehkah

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meninggikan elaun atau menambah pencen terhadap pesara-pesara yang dapat kurang pencen daripada \$100 sebulan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah ditimbang oleh satu Jawatankuasa dan pihak Kerajaan telah menerima syor-syor daripada Jawatankuasa itu. Untuk pesara-pesara dan juga kakitangan Kerajaan yang bergaji rendah Kerajaan telah mengadakan elaun khas yang saya telah terangkan itu. Kerajaan berfikir pada masa ini tindakan-tindakan yang telah diambil itu adalah memadai.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan bila Lapuran Suruhanjaya Harun boleh diumumkan kepada umum di tanahair kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi dengan panjang lebar.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Jikalau saya tidak salah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sebutkan bahawa Lapuran itu telah dihantar kepada kesatuan-kesatuan sekerja dan badan-badan berkanun sahaja, tetapi tidak diberi kepada public seperti Wakil Rakyat seumpamanya. Bilakah Lapuran itu boleh dijual kepada sesiapa yang hendak membeli dan mengkaji Lapuran itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mengikut procedure kita, kesatuan sekerjalah yang utama kita beri penyata-penyata ini, kerana perkara ini berkaitan dengan kedudukan mereka dan seperti saya katakan tadi penyata ini belum siap semuanya lagi. Bila semua sekali sudah siap dan sudah ditimbang oleh pihak kesatuan sekerja dan juga pihak Kerajaan, penyata-penyata ini akan diumumkan kepada am.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ada juga menyatakan orang-orang yang bersara di luar negeri, bagaimanakah perhubungan Kerajaan Malaysia ini dengan pesara-pesara itu misalannya, seorang mata-mata bangsa Sikh sudah bersara dan dia duduk di India, apakah

suatu pengakuan yang diterima oleh Kerajaan ini menyatakan yang dia itu masih hidup lagi di India dan sara hidupnya dibayar juga?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita membayar pencen kepada pesara-pesara ini melalui peraturan yang tertentu samada pada wakil-wakilnya ataupun terus kepada dirinya sendiri dan kalau mereka itu mati atau telah meninggal dunia tentu kita akan mendapat keterangan. Perkara ini kita sedang siasat lagi dengan halus barangkali ada juga satu dua pesara-pesara yang barangkali telah mati yang kita tidak mengetahuinya. Ini kita akan siasat dengan adanya pembayaran baru ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, ada juga kaum pekerja di seluruh tanah air kita ini yang menunggu mengenai Lapuran Penyata Harun, soalnya bilakah boleh dapat implementasi Lapuran Suruhanjaya Harun? Saya dengar kesatuan-kesatuan sekerja sudah menghantar balik dengan pindaan-pindaan di dalam Lapuran itu, Kerajaan pun ada mengirimitkan kepada kesatuan-kesatuan sekerja dan kesatuan sekerja pun sudah menghantar balik kepada Kerajaan. Kalau Kerajaan boleh beri ketetapan untuk mengadakannya, bila boleh implementasi Harun Commission yang pekerja-pekerja boleh menunggu untuk diberitahu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sedar ada desakan terdapat di kalangan pekerja-pekerja terhadap Penyata Suruhanjaya Harun ini, akan tetapi kelambatan ini bukanlah sengaja dibuat. Kelambatan ini tidak dapat dielakkan kerana Suruhanjaya ini terpaksa menyiasat, mengkaji dan syarat-syarat perkhidmatan dalam 419 kuasa-kuasa tempatan dan 100 badan-badan berkanun dan kesemuanya itu melibatkan lebih kurang 70,000 pekerja dan tambahan pula gaji telah menjadi lebih sukar kerana badan-badan itu mempunyai berbagai-bagai jenis tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan. Oleh itu Suruhanjaya ini terpaksa mengambil masa yang lanjut sedikit untuk menyempurnakan tugas ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan Elaun Khas yang Kerajaan beri kepada kakitangan Kerajaan

boleh diberikan kepada pekerja-pekerja dan badan-badan berkanun, Majlis-majlis Tempatan dan sebagainya yang gajinya sekarang sedang dikaji oleh Suruhanjaya Harun?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah beri perintah iaitu Elaun Khas ini mustahaklah diberi dengan seberapa segera bermula daripada 1hb Oktober. Jadi samada telah diberi atau tidak, saya belum dapat tahu lagi, ini bolehlah saya siasat atas perkara ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi telah menyatakan bahawa lebih-kurang 10,000 pesara di luar negeri, adakah Kerajaan bercadang hendak menentukan satu masa kelak bahawa pesara di luar negeri itu patut kita hentikan pembayarannya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tentulah tidak adil kita berhentikan pembayaran kepada mereka ini kerana mereka ini telah berkhidmat dengan kita dan kita telah mengaku hendak memberi pencen kepada mereka itu selagi ada hayat mereka itu. Saya fikir kita kenalah tunaikan tanggungjawab kita.

SUBSIDI BERAS YANG DIIMPOT

8. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada subsidi Kerajaan untuk mengimpot beras melalui L.P.N. boleh juga diberi kepada perusahaan persendirian bagi mengendurkan harga beras yang tinggi ini; dan
- (b) memandangkan kekurangan beras dalam negara dan pada umumnya kekurangan biji-bijian (gandum, beras, dll.) di dunia serta dengan bertambahnya bilangan penduduk-penduduk, samada perlu ditukar polisi beras dari kecukupan 90 peratus kepada kecukupan yang penuh.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak bercadang hendak memberikan subsidi kepada beras yang diimpot oleh swasta. Beras yang telah

dan akan diimpot oleh Kerajaan melalui L.P.N. dianggarkan sudah mencukupi;

(b) Soalan seperti ini telah saya jawab pada 26hb November yang lalu.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dipandang dari segi kekurangan biji-bijian itu di seluruh dunia, adakah atau tidak Kerajaan kita sedia berunding bersama-sama dengan Kerajaan Negeri-negeri kita supaya pembahagian tanah secara bebas, iaitu bukan di bawah FELDA atau FELCRA dan sebagainya dapat diliberalisekan lagi ataupun dibanyakkan untuk menggalakkan cucuk-tanam di kalangan petani kita yang berbilang bangsa?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, walaubagaimanapun itu soalan lain.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Dua hari yang lalu saya ada membaca di dalam suratkhbar, iaitu betul atau tidak L.P.N. membeli beras daripada importer-importer, iaitu enam importers daripada Malaysia?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, hingga pada masa ini tidak ada L.P.N. membeli beras daripada importer-importer. Bagaimana yang saya terangkan dahulu, iaitu importer-importer beras ini oleh kerana kesukaran hendak mendapatkan beras dari luar disebabkan kekurangan bekalan beras dunia, telah dijalankan di antara Kerajaan dengan Kerajaan ataupun Kerajaan dengan Badan-badan berkaitan dengan Kerajaan di negeri-negeri yang eksport beras.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Tidak berapa lama dahulu di Dewan Rakyat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan L.P.N. ada mengawal 1% sahaja dalam masalah beras. Sekarang L.P.N. mengawal berapa peratus, saya hendak tahu dalam masalah beras?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan lagi. Kita tahu beras yang diimpot dari Negeri Cina ada diberi subsidi. Beras-beras yang

diimpot dari lain-lain negeri seperti Siam akan diberi subsidi atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi sahaja mencuba!

Tuan Ng Hoe Hun: Baik, terima kasih. Saya tanya lagi, yang akhir sekali. Kata Menteri Pertanian Malaysia is 90% self-sufficient. Rakyat diberitahu Kerajaan Malaysia ada mengimpot beratus-ratus tan beras, saya rasa Malaysia 50% sahaja self-sufficient in rice. Bolehkah Timbalan Perdana Menteri memberi penjelasan?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Itu mengikut pandangan Ahli Yang Berhormat. Daripada angka-angka, kita dapat mengeluarkan bagaimana yang diterangkan oleh Kerajaan daripada satu masa ke satu masa.

HARGA PADI DI SEKINCHAN

9. Tuan Richard Ho Ung Hun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa akibat dari keengganan peladang-peladang menjual padi Bahagia kepada L.P.N. dengan harga \$18.15 sepikul sebab mereka telah menyatakan harga mereka sebagai \$18.57 sepikul, setiap orang peladang di Sekinchan pada masa sekarang mempunyai sekurang-kurangnya 300 guni padi dalam simpanan, dan jika ya, samada Kerajaan akan menubuhkan sebuah badan bebas untuk menyasat perkara ini; dan samada Kerajaan akan menetapkan harga yang berpatutan bagi padi Bahagia.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang masalah harga padi di Sekinchan. Dalam musim menuai yang baharu berlaku, iaitu bulan Julai hingga September, Kerajaan melalui L.P.N. telah menawarkan harga padi di antara \$19 dengan \$23 sepikul, dibeli di pintu kilang, bagi padi yang kering dan bersih, mengikut jenis-jenisnya. Sebelum itu, harga padi ialah \$16 sepikul bagi semua jenis.

Dengan harga pasaran yang baharu ini, padi daripada jenis Bahagia dibeli oleh L.P.N. dengan harga \$21 sepikul.

Padi yang basah dan tidak bersih dikenakan potongan harga. Potongan ini dibuat mengikut peraturan dan sifir yang ditetapkan dan telah diamalkan dengan puas hatinya semenjak beberapa tahun ini di seluruh Malaysia.

Berdasarkan peraturan dan sifir ini, L.P.N. membayar \$18.15 sepikul padi jenis sederhana sekiranya padi itu kurang bersih, tidak dianginkan (without winnowing) dan basahannya (moisture content) di antara 18% dengan 20%. Tetapi, sekiranya padi itu dianginkan, bayarannya dinaikkan menjadi \$18.57 sepikul. Sekiranya padi itu sudah bersih dan kering yang tidak lebih daripada 14% "moisture content"nya, harga yang dibayar oleh L.P.N. ialah \$20.25 dibeli di pintu rumah setelah ditolak upah dan harga pengangkutan.

Harga padi yang dibayar oleh L.P.N., bukan saja di Sekinchan, bahkan juga di seluruh Malaysia adalah mengikut peraturan dan sifir potongan basahan yang telah ditetapkan itu.

Oleh itu, tidaklah mustahak bagi Kerajaan untuk menubuhkan apa-apa badan menyiasat perkara harga padi di Sekinchan itu.

Harga padi jenis Bahagia sudah berpatutan. Ianya dimasukkan dalam bahagian Padi Jenis Sederhana yang harganya ialah \$21 sepikul bagi padi yang kering dan bersih di pintu kilang.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Mengikut kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beliau menyatakan kebanyakan padi dibeli di kilang sebanyak \$18.15 jika moisture contentnya 18% hingga 20%. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, adakah beliau sedar petani-petani, bukan di Sekinchan sahaja bahkan di lain tempat juga tidak percaya terhadap perkasas-perkasas yang mengukur moisture content iaitu hydrometer. Walaupun padi petani-petani kering, mereka pun diberi harga \$18.15 sahaja. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyiasat perkara ini supaya hydrometer itu boleh dipercayai oleh petani-petani?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, iaitu

menguji moisture content itu kita menggunakan alat hydrometer ini. Jika sekiranya petani-petani ada keraguan, atau instrument itu atau perkakas ini tidak betul, benda itu boleh disiasat, tetapi bagaimana yang kita menjalankan, menggunakan hydrometer ini dan kita menengok, mengcheck instrument dan yang sudah-sudah kita puas hati iaitu instrument ini atau alat ini adalah betul. Jikalau ada keraguan, saya sedia menengokkannya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan mendapat tahu iaitu menurut petani di sini tiap-tiap peladang Sekinchan sekurang-kurangnya ada menyimpan 300 guni padi. Adakah Kerajaan tahu iaitu tiap-tiap peladang yang di Sekinchan ini mempunyai kilang-kilang kecil mengilang padi sendiri, dengan sebab itu tidak mahu menjual padi itu bukan kerana harganya?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar mengikutkan berita-berita ada petani-petani masih menyimpan padi bagaimana bilangannya lebih kurang begitulah. Padi-padi yang disimpan ini kebanyakan bukan dipunyai oleh petani-petani yang menyimpannya, ini dipunyai oleh pembeli-pembeli yang tidak dapat mengeluarkan padi ini oleh kerana sekatan-sekatan jalanraya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar antara sebab-sebab petani-petani ini tidak mahu menjual padinya ialah mereka tidak berpuashati tentang harga padi yang mereka menjual kepada L.P.N. iaitu \$18.15 jika harga itu dibandingkan dengan beras yang dijual oleh L.P.N. kepada kedai-kedai. Oleh sebab itu, bolehkah L.P.N. mengkaji harga padi dan memberi harga yang berpatutan di masa yang akan datang.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, harga yang ditetapkan iaitu harga yang L.P.N. boleh membeli dan hendak membeli daripada petani ialah ditetapkan oleh Kerajaan, dan bila Kerajaan menetapkan harga ini telah difikirkan iaitu inilah harga yang berpatutan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar harga padi telah

dinaikkan cuma \$2.15 sahaja daripada \$16 kepada \$18.15, tetapi harga beras telah dinaikkan bukan \$2.15 tetapi \$10 lebih. Oleh sebab itu, hasrat petani-petani ialah harga padi mereka diberi harga lebih daripada \$18.15 sepikul.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, supaya jangan Ahli Yang Berhormat itu silap iaitu harga \$18.15 ialah padi jenis yang saya sebutkan tadi dengan keringnya, bersihnya dan sebagainya, tetapi kalau padi-padi ini kering dan moisture contentnya kurang daripada, katakanlah 18% atau 15% harganya dinaikkan. Berkenaan dengan harga beras dibandingkan dengan harga pasaran inilah masaalahnya yang diterangkan di Dewan ini juga, iaitu dengan Kerajaan membeli harga-harga padi yang ditetapkan itu, kita berharap harga beras yang dijual di pasaran bebas ada berpatutan walaupun kita mengetahui harga beras kebiasaannya dijual di pasaran adalah melebihi daripada harga yang berpatutan. Ini yang diterangkan iaitu ialah dengan disebabkan faktor-faktor yang lain iaitu samada miller sendiri, samada wholesaler sendiri atau peruncit sendiri mengambil kesempatan menjual beras dengan harga yang tinggi ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Soalan saya ada berkenaan dengan moisture meter yang dipakai oleh L.P.N. Petani-petani mengatakan bahawa L.P.N. telah menipu mereka sebab moisture meter itu sudah rosak. Bagaimana Kementerian beliau tahu yang moisture meter ini baik, sebab saya tahu moisture meter ini dibeli dari luar negeri. Di Malaysia tidak ada moisture meter ini dan kata beliau 18% moisture content yang rendah, tetapi saya tahu 18% moisture meter yang tinggi. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi penjelasan?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, L.P.N. ditubuhkan satu daripada tujuan-tujuannya ialah hendak menyelamatkan dan memelihara faedah-faedah petani. Mustahil sebagaimana yang dicakapkan tujuan L.P.N. ini hendak menipu-dayakan petani-petani dengan menggunakan helai-helai kurang timbangkah ataupun mengambil kesempatan berkenaan dengan moisture content, itu mustahil. Kalau adapun barangkali keraguan atau tidak puas hati ini

masaalah dengan instrument hydrometer yang digunakan. Sebagaimana yang saya terangkan alat-alat ini telah diuji dan diperiksa daripada satu masa ke satu masa. Jika didapati benda itu salah atau rosak, L.P.N. akan membetulkannya. Rasa saya tentulah tidak wajar bagi pegawai-pegawai L.P.N. itu dengan sengajanya hendak menggunakan alat-alat ini seumpama hydrometer ini sengaja hendak menipu-daya petani-petani.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar iaitu oleh kerana Kerajaan telah menetapkan harga padi mengikut peringkat-peringkat jenis padi yang tertentu, maka menyebabkan petani-petani tertumpu untuk menanam kepada jenis padi yang baik, dan dengan kerana itu mengakibatkan di dalam negara kita ini susah hendak mendapat beras yang berharga murah

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Apakah soalannya? Saya tidak faham.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Adakah Kerajaan bercadang untuk hendak menyelaraskan harga padi sepertimana yang dahulu iaitu pada peringkat yang sama sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu saya kurang faham. Cuba lagi sekali.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar iaitu oleh kerana Kerajaan sekarang ini telah menetapkan harga padi mengikut jenis-jenis yang tertentu, misalnya Mahsuri \$19, Mat Candu \$23 dan lain-lain. Dengan kerana itu menyebabkan petani-petani tertumpu untuk menanam kepada jenis padi yang baik. Oleh yang demikian, menyebabkan di dalam negara kita sekarang ini susah untuk hendak mendapat beras-beras yang berharga jenis murah. Dan adakah Kerajaan bercadang untuk hendak menyelaraskan harga padi ini seperti mana yang terdapat pada masa yang lepas iaitu tidak diberikan mengikut jenis-jenis yang tertentu?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar iaitu petani-petani kebanyakannya menanam padi jenis-jenis yang baik sahaja. Ini adalah dalam pandangan Kerajaan, tetapi hendak dihapuskan jenis-jenis padi yang panjang, yang baik, yang sederhana dan yang pendek itu mendatangkan kesukaran, sebab padi itu ada gred-grednya.

UJIAN KEPADA PEMANDU KENDERAAN

10. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (i) samada menjadi niat Kerajaan hendak mengadakan ujian "breathalyser" bagi pemandu-pemandu kenderaan yang disyaki di bawah pengaruh arak atau dadah, dan jika ya, nyatakan bilakah Kerajaan ingin mengadakan ujian ini dan samada Kerajaan telah memutuskan jenis alat yang ia bercadang hendak guna bagi ujian ini; dan
- (ii) samada Kementerian beliau telah memutuskan untuk menerima syor-syor Peguam Negara bahawa pemandu-pemandu kenderaan diletak dalam percubaan selama dua atau tiga tahun selepas lulus ujian memandu dan pemandu-pemandu itu juga mesti mempamirkan tanah "P" di hadapan dan di belakang kenderaan mereka.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) penggunaan ujian breathalyser sebagai pemandu-pemandu kenderaan yang disyaki di bawah pengaruh arak ataupun dadah memerlukan kajian yang teliti sebelum ini dapat dilaksanakan atau digunakan. Bagi maksud itu Kementerian ini terlebih dahulu mendapatkan maklumat-maklumat daripada negara-negara yang telah berpengalaman dengan cara-caranya bagi menentukan jenis alat yang harus digunakan dan samada ianya itu efektif. Kajian dalam perkara ini dilakukan bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan, pihak Polis dan Pejabat Kimia, dan sebelum perkara ini dapat dilaksanakan percubaan-percubaan perlu di-

lakukan sebab penggunaan alat ini ialah bagi menambah dan menyokong bukti-bukti penyelidikan perubatan yang lain seperti blood test.

- (b) Kementerian Perhubungan memerlukan kajian yang lebih mendalam kerana kegunaan "P" plates di setengah-setengah negara yang telah menggunakan apabila dilaksanakan tidak memberi bekas dan ada setengah-setengah tukar dengan point system. Dan saya sendiri telahpun menyasat perkara ini waktu saya di Sydney, New South Wales yang menggunakan probational driving licence tetapi inipun memakan banyak belanja dan banyak waktu, belum lagi tahu samada jaya atau tidak. Dan daripada pihak Treasury juga akan menimbangkan kerana ini akan banyak menggunakan kakitangan kerana hendak disemak tiap-tiap tahun. Contohnya orang yang mendapat lesen selepas "L" dia akan dapat "P" setahun atau dua tahun dia tidak bawa kereta itu. Kemudian diberi yang tidak ada "P". Ini juga merbahaya. Dia boleh mengelakkan daripada itu. Kita sedang siasat atas perkara ini.

GAJI MINIMA

11. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Suruhanjaya Gaji Khas akan dibentuk bagi mengkaji susunan gaji dalam negeri dan mencadangkan

- (a) gaji minima;
- (b) Elaun Sara hidup memandangkan inflasi yang sedang meningkat dengan pesat;
- (c) kenaikan gaji minima tahunan untuk pekerja-pekerja bagi membolehkan mereka menghadapi sara hidup yang semakin meningkat.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Gaji dan keadaan-keadaan pekerjaan dalam negeri ini adalah pada umumnya ditentukan melalui rundingan bersama dan untuk memberi kesan kepada ini Kerajaan menggalakkan kedua-dua

pihak dalam perusahaan supaya tersusun dengan rapi. Perjanjian-perjanjian bersama hasil daripada ini pada umumnya memberi panduan kepada kadar gaji dalam sektor-sektor ekonomi yang tidak begitu tersusun. Oleh kerana itu dan dalam keadaan perkembangan kita pada masa ini, di mana terdapat kadar pengangguran Kerajaan tidak berniat untuk mengadakan gaji minima yang umum.

- (b) Bagi mereka dalam Sektor Awam pula Kerajaan baru-baru ini telah mengambil keputusan memberi Elaun Bantuan Khas kepada semua kakitangan-kakitangan dalam Sektor Awam yang berpendapatan \$500 sebulan atau kurang daripada ini. Keputusan ini telah memberi pimpinan dan panduan kepada sektor swasta dan dalam beberapa minggu yang lepas ini ramai majikan-majikan dan wakil-wakil pekerja telah berunding bersama dan menentukan Elaun Bantuan Khas yang akan dibayar kepada pekerja-pekerja di tempat-tempat pekerjaan yang berkenaan. Ini sedang berjalan dengan memuaskan.
- (c) Kenaikan gaji tahunan adalah pada umumnya dimasukkan dalam gaji-gaji seperti ditentukan melalui rundingan bersama dan melalui kontrek-kontrek pekerjaan perseorangan. Dan lagi, memandangkan yang prinsip memberi kenaikan gaji tahunan tidak perlu berasaskan belanja hidup yang sedang naik, adalah tidak bijak mengadakan kenaikan minima gaji tahunan itu. Memandangkan kedudukan yang terdapat pada masa ini, seperti saya menerangkan keperluan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Gaji Khas tidak timbul bagi masa ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Menteri sedar bahawa pekerja-pekerja Kerajaan sangat tidak puashati dengan Elaun Khas oleh kerana tidak cukup untuk membantu pekerja-pekerja Kerajaan menghadapi inflasi dan mereka telah menuntut bahawa Kerajaan boleh mengkaji semula kadar Elaun Khas dan oleh kerana inflasi bukan beku (stand still) tetapi harga semua barang tersebut melambung naik, bolehkah Kerajaan timbangkan perkara itu

lagi sekali dan meninggikan Elaun Khas untuk memulih kuasa beli pekerja-pekerja Kerajaan?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menerangkan dalam Dewan ini bahawa Kerajaan sudah menimbangkan segala aspek sebelum Kerajaan beri Elaun Khas ini. Bukan sahaja pekerja-pekerja di dalam Kerajaan, tetapi juga di bahagian swasta dan self-employed persons. Itulah sebabnya Kerajaan beri elaun ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri ada beritahu Dewan ini bahawa dalam bulan ini majikan-majikan swasta ada beri COLA atau Elaun Khas kepada pekerja-pekerja mereka. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini, adakah majikan-majikan beri COLA yang melebihi kadar Elaun Khas yang diberi oleh Kerajaan atau tidak oleh kerana ada majikan-majikan tidak mahu membayar COLA yang melebihi sungguhpun mereka mampu sebab Kerajaan ada beritahu kepada majikan-majikan supaya jangan melebihi kadar elaun itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya tidak berapa faham soalan itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh ulang sekali lagi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini antara majikan-majikan swasta yang sudah membayar COLA kepada pekerja-pekerja, adakah majikan-majikan yang membayar COLA yang lebih—more than the Government Special Allowance. Jikalau ada, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan oleh kerana saya tahu ada majikan enggan bayar COLA yang dituntut oleh pekerja-pekerja yang melebihi Elaun Khas Kerajaan sungguhpun mereka mampu oleh kerana mereka kata Kerajaan sudah tetapkan satu ceiling, satu maksima.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada juga satu dua majikan yang telah beri lebih daripada apa Kerajaan beri, tetapi pada amnya majikan-majikan adalah mengikut lebih kurang apa yang Kerajaan beri. Ada juga majikan-majikan yang tidak boleh bayar apa Kerajaan beri itu. Kalau dia bayar \$30 barangkali

dia kena kurang pekerja-pekerjanya sebab ada labour intensive industries yang tidak boleh bayar \$30—ada juga begitu dan mana pekerja-pekerja yang sendiri menerima kurang daripada \$30.

Tuan V. David: Soalan (a) gaji minima atau gaji hidup ada juga kilang-kilang letronik di Pulau Pinang membayar gaji \$1.50. Kerajaan ada juga memberi jaminan dalam Dewan ini bahawa pada masa akan datang boleh disiasat dan ditimbang, bolehlah buat satu Commission of Wages Council, sampai sekarang tidak ada satu badan yang menyiasat gaji-gaji dalam kilang-kilang itu. Bilakah boleh Kerajaan siasat dalam kilang-kilang letronik di Pulau Pinang recommend satu gaji yang baru, gaji elaun hidup?

Yang kedua, berapa persen dalam private sector ada beri elaun COLA sampai sekarang? Bila Kerajaan memberi COLA ada mengatakan ini satu guide line dan ada private sector yang membangkang ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini berapa ratus persen sudah dibayar? Yang saya tahu pekerja ramai di ladang kita belum dapat apa-apa. Bolehkah Menteri beritahu Dewan ini?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan tambahan yang pertama gaji \$1.50 itu barangkali bila masa Yang Berhormat itu ada campur dalam Parti Gerakan. Dia pun sudah keluar, gaji pun sudah lebih sekarang di sana. (*Ketawa*). Jadi sekarang \$1.50 kilang letronik tidak boleh dapat pekerja-pekerja.

Menjawab soalan yang kedua, ialah pekerja-pekerja di ladang-ladang masa sekarang kedua-dua pihak ada berunding. Ini saya tidak mahu cakap banyak atas perkara sekarang.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, mengapa soalan kedua tidak dapat jawab? Yang pertama berapa, kalau Yang Berhormat Menteri kata gaji sudah lebih daripada \$1.50. Berapa gaji mereka sekarang, tolonglah beritahu Dewan ini.

Yang kedua, berapa persen pekerja private sector sudah dapat COLA sampai sekarang?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya telah beritahu dalam jawapan

saya bahawa banyak majikan telah beri. Kalau tanya berapa persen, saya minta notis, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah menyatakan gaji pekerja-pekerja di kilang-kilang letronik telah dinaikkan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan gaji yang paling rendah yang diberi di kilang-kilang letronik sekarang?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang electronic factories ada juga membayar sekurang-kurangnya \$2.80 sampai \$3.00, \$4.00 hingga \$5.00. Di Kuala Lumpur ada juga electronic factories yang membayar gaji permulaan \$3.00 atau lebih. Jadi electronic factories adalah satu labour intensive industries. Baharu-baharu memang dia bayar gaji yang kurang sedikit, 6 bulan kemudian bila pekerja-pekerja sudah mahir sedikit gaji pun mesti tinggi. Kalau tidak electronic factories sendiri jadi satu pinch dengan pekerja dari lain factories. Sekarang sudah jadi begitu di dalam Pulau Pinang dan lain-lain tempat.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Pekerja dalam kilang sudah dua tahun dia dapat \$2.80 sen bukan yang pertama dia dapat \$2.80 sen. Itu apa yang dikatakah oleh Yang Berhormat Menteri orang yang masuk kerja pertama mendapat \$2.80 sen.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mahu tahu apa soalan tambahannya?

Tuan V. David: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu dalam Dewan ini berapa kilang itu bayar seorang bagi kerja yang pertama?

Tan Sri V. Manickavasagam: Itu soalan lain. Kalau itu mahu dijawab, saya minta notis.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Menteri yang berkenaan mengatakan ada beberapa pihak swasta telah mengikut apa yang dicontohi oleh Kerajaan iaitu memberi Elaun Khas. Apakah tindakan Kerajaan akan ambil supaya semua pihak swasta boleh memberi Elaun Khas yang berpatutan kepada pekerja-pekerja?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada rakyat jelata di negara kita ada meminta kepada semua majikan mengikut contoh dan beri kepada pekerja-pekerja mengenai elaun khas ini. Jikalau ada mana-mana majikan yang tidak mengikut, silalah berhubung dengan kita dan kita boleh menolong pekerja-pekerja itu dengan seberapa bolehnya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana inflasi-inflasi yang sudah bertambah beban pekerja-pekerja yang bergaji rendah, bolehkah Kerajaan menimbang dengan segera mengarahkan semua Wages Council di mana pekerja-pekerja di various categories ada yang bergaji tetap meninggikan gaji-gaji minima mereka untuk boleh menghadapi inflasi-inflasi sekarang seperti pekerja-pekerja di cinema theatres, wokshop dan lain-lain?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, ini ada dipertimbangkan sekarang dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum ada wakil-wakil pekerja-pekerja di dalam Wages Council maka wakil-wakil itu boleh menulis atau minta dalam Council itu berapakah yang patut dan boleh berunding.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 31 adalah diberi di bawah ini).

UNDANG-UNDANG DARURAT DIMANSUHKAN

12. Tuan Su Liang Yu minta Peguam Negara menyatakan dengan bermulanya kembali Sistem Demokrasi Berparlimen di Negeri ini, samada semua Undang-undang Darurat yang diperintahkan berkuatkuasa sebagai peraturan-peraturan sementara sahaja bagi menjaga keselamatan negara pada masa itu telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan jika tidak, mengapa.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Untuk makluman Yang Berhormat, 71 undang-undang darurat telah dimansuhkan atau dianggap sebagai luput. Ada satu

Rang Undang-undang dalam majlis sekarang ini yang bercadang untuk memansuhkan satu daripada undang-undang darurat itu.

Memandangkan kepada adanya ancaman komunis dalam negara ini, maka beberapa undang-undang darurat yang ada itu masih lagi diperlu demi kepentingan keselamatan negara.

KONTREK BESAR DARI FIRMA KOREA

13. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan kontrak-kontrak besar yang diberikan kepada firma-firma dari Korea;
- (b) memandangkan bahawa kontrak-kontrak mereka ini sangat murah jika dibandingkan dengan kontrak-kontrak dari negara-negara lain, samada mereka boleh menyiapkan kerja-kerja mereka dengan memuaskan dan dalam masa yang ditentukan; dan
- (c) samada kerja-kerja kontrak yang telah atau sedang dijalankan di negara ini oleh firma-firma dari Korea itu berjalan dengan lambat dan tidak memuaskan.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):

- (a) Ada empat kontrak besar yang telah diberikan kepada firma-firma Korea pada masa sekarang. Tiga daripada kontrak-kontrak itu ialah bagi kerja-kerja J.K.R., manakala yang satu lagi ialah bagi projek taliair Jabatan Parit dan Taliair di Besut.
- (b) Adalah tidak benar dikatakan bahawa harga-harga tender yang telah dikemukakan oleh firma-firma Korea untuk empat buah projek yang berkenaan itu sebagai tersangat murah seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya, tender-tender mereka itu telah memenuhi semua syarat-syarat yang terkandung dalam penentuan-penentuan dan harga-harga tender mereka adalah sangat bersaing. Berhubung dengan perkara ini, suka saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa

tender-tender yang berkenaan itu telah pun ditibangkan dengan telitinya oleh Kerajaan dan juga Bank Dunia atau Bank Pembangunan Asia mengikut mana yang berkenaan iaitu bergantung kepada siapa yang memberi bantuan. Saya ingin menegaskan bahawa di mana projek-projek menerima bantuan daripada Bank Dunia ataupun Bank Pembangunan Asia, penender-pender kenalah diadu kelayakan (prequalified) oleh Kerajaan dan persetujuan diterima daripada Bank Dunia atau Bank Pembangunan Asia sebelum tender-tender dipelawa untuk memastikan yang mereka boleh menyiapkan projek-projek itu dengan memuaskan dalam masa yang ditentukan.

- (c) Adalah terlalu awal untuk mengulas tentang kerja-kerja pembinaan bagi projek-projek J.K.R. kerana ianya baharu sahaja dimulakan. Berhubung dengan projek Jabatan Parit dan Tali-air, saya telah diberitahu ada terdapat sedikit kelewatan, tetapi ini ialah oleh kerana kesulitan dalam mendapatkan besi, kayu dan pekerja-pekerja mahir. Ini telahpun diatasi dan projek itu sedang berjalan dengan memuaskan.

PENEROKA FELDA

14. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar akan perasaan tidak puas hati di kalangan peneroka-peneroka di setengah-setengah rancangan FELDA terhadap FELDA, dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil bagi menghapuskan perasaan-perasaan itu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Soalan ini terlalu umum sangat, walaubagaimanapun, jika yang dimaksudkan dengan perkataan "tidak puas hati" itu dari segi soal-soal kemasyarakatan, maka saya sedar benar bahawa persoalan yang sedemikian adalah persoalan yang sering timbul di mana-mana, lebih-lebih lagi di dalam masyarakat baru di rancangan-rancangan FELDA dan sebagainya.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa bilangan peserta-peserta

FELDA pada hari ini adalah lebih daripada 28,000 keluarga yang meliputi tidak kurang daripada 160,000 penduduk kesemuanya. Bagi masyarakat peneroka yang sebegini besar, yang mempunyai latar belakang dan falsafah hidup yang berlainan, maka tentulah ada di kalangan mereka yang mengalami kesulitan bagi menyesuaikan diri dengan cara penghidupan baru di rancangan-rancangan FELDA. Sambutan peneroka-peneroka baru terhadap perubahan dan cabaran-cabaran yang didapati di rancangan-rancangan ini adalah berlainan. Kebanyakan daripada mereka dapat menyesuaikan diri dalam masa yang singkat dan dalam pada itu terdapat juga yang memerlukan masa yang lebih panjang.

Bagi mengatasi masaalah-masaalah penyelesaian di kalangan peneroka-peneroka ini, FELDA telah menambahkan lagi kegiatan-kegiatan Bahagian Pembangunan Penerokanya. Dengan pimpinan dan usaha-usaha yang dijalankan ini adalah diharap peneroka-peneroka akan dapat memahami dan menerima peraturan-peraturan yang ada di rancangan-rancangan FELDA dengan lebih licin, senang dan awal lagi.

RAMPASAN PADI/BERAS DI SEKINCHAN

15. Dr Tan Chee Khoo bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa Polis Pencegah Rusuhan telah dipanggil hadir di kawasan Tanjung Karang, Sekinchan ketika padi dan beras dirampas dari penduduk-penduduk di situ pada 20hb September, 1973. Mengapakah dirasakan perlu membuat rampasan dan menunjukkan kekerasan yang melebihi seperti itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Apa yang dikatakan Polis Pencegah Rusuhan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang sebenarnya ialah Pasukan Simpanan Persekutuan atau F.R.U. (Federal Reserve Unit). Mereka dihantar untuk menjaga keamanan dan bukan kerana merampas beras.

Rampasan di Sekinchan, Daerah Kuala Selangor pada 20hb September, 1973 dilakukan oleh pegawai Lembaga Padi dan Beras Negara sebab didapati banyak padi dan beras yang disimpan dalam sebuah kilang tanpa lesen.

Pada masa itu kekacauan telah berbangkit yang melibatkan beratus-ratus orang keluar dari kawasan tersebut dan cuba menahan janaan padi dan beras itu dirampas. Oleh sebab itu anggota F.R.U. terpaksa dikejarkan untuk membantu beberapa orang Polis Biasa yang menemani pegawai Lembaga Padi dan Beras Negara yang menjalankan tugasnya.

PENUNJUK PERASAAN DI PUSAT KEBUDAYAAN LINCOLN

16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jaminan apakah yang telah diberikan oleh beliau kepada para pelajar kita untuk menyuraikan demonstrasi mereka di kedutaan Amerika di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya telah menemui penunjuk perasaan pada hari Selasa 16hb October, 1973 di hadapan Pusat Kebudayaan Lincoln, Leboh Pasar Besar Kuala Lumpur dan bukan di Kedutaan Amerika Syarikat di Bangunan A.I.A., Jalan Ampang Kuala Lumpur. Saya tidak memberi sebarang jaminan hanya sanggup menyampaikan kepada Kerajaan pendapat mereka dan juga sanggup mengatur satu perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Seramai lima belas orang wakil penuntut-penuntut dan peruntukan belia telahpun menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tiga hari selepas kejadian tersebut pada hari Jumaat 19hb October, 1973.

Pada hemat saya mereka itu bersurai bukanlah kerana sebarang jaminan, tetapi ialah kerana menurut perasaan penuh tanggungjawab dan kesanggupan sebahagian besar dari mereka mahu bersama saya menunaikan fardhu Dzuhur di Masjid Negara.

BANTUAN PERUBATAN

17. Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Kesihatan menyatakan selain daripada menghantar bantuan ubat-ubatan samada Malaysia bercadang hendak menghantar pegawai-pegawai perubatannya untuk menolong negara-negara Islam di Asia Barat yang sedang berperang dengan Israel itu.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tidak.

JURURAWAT DI HOSPITAL— KEKURANGAN

18. Tuan Lee Seck Fun minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan jururawat-jururawat yang terlampau di hospital-hospital kita dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi kekurangan itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Ya. Latihan Jururawat-jururawat telahpun dipesatkan. Dalam tahun 1970, hanya seramai 299 Jururawat Pelatih telah diambil. Dalam tahun 1971, jumlahnya adalah seramai 412 orang dan dalam tahun 1972 jumlahnya adalah seramai 536 orang. Tahun ini pengambilan Jururawat Pelatih adalah seramai kesemuanya 738 orang.

PEKERJA MAHIR BUMIPUTRA DI KILANG-KILANG

19. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan peratus purata pekerja-pekerja mahir bumiputra yang bekerja di kilang-kilang di seluruh negara setakat ini, dan apakah langkah-langkah yang konkrit akan diambil untuk menambahkan peratus ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Maklumat mengenai purata peratus bilangan pekerja bumiputra yang mahir yang digajikan di kilang-kilang di seluruh negara sehingga hari ini belum lagi diperolehi kerana maklumat seperti ini sedang dikumpulkan dalam kajian tenaga rakyat bagi seluruh negara yang ada sekarang ini, dan keputusan pertama (data pendahuluan) kajian tersebut dijangkakan pada awal 1974.

Langkah-langkah sebenarnya, sedang diambil oleh pegawai-pegawai pemeriksa di Kementerian saya dalam menjalankan tugas-tugas mereka untuk menasihati majikan-majikan membetulkan keadaan tidak seimbang mengikut kaum yang terdapat dalam tenaga buruh mereka. Dasarnya ialah yang tenaga buruh patut mencerminkan komposisi penduduk-penduduk berbilang bangsa di negeri ini.

AMPANGAN PEDU KUALA NERANG

20. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada benar bahawa Ampangan Pedu di Kuala Nerang sekarang ini mengalami kerosakan akibat kesilapan teknikal semasa pembinaan dan besar kemungkinannya bahawa dalam pertengahan tahun 1974, penanaman padi dua kali setahun di Rancangan Perairan Muda akan tergendala buat sementara, dan jika ya, apa tindakan yang akan diambil untuk membaiki kerosakan ini.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Kedua-dua sangkaan yang terkandung di dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Ampangan Pedu itu adalah tidak benar.

Ramai orang menyangka tirisan yang boleh dilihat di Ampangan Pedu itu sebagai kebocoran Ampangan itu. Tirisan ini adalah sebagaimana yang didapati di lain-lain ampangan juga. Pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda atau MADA dan Bahagian Parit dan Taliair sentiasa memberi perhatian supaya tirisan itu dikawal.

ANAK YATIM DI MALAYSIA

21. Dr A. Soorian minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) bilangan kanak-kanak, mengikut bangsa, dalam rumah-rumah anak yatim di Malaysia sehingga 30hb September, 1973; dan
- (b) jumlah wang daripada Tabung Kebajikan Am yang telah dibelanjakan untuk memelihara rumah-rumah anak yatim dalam 9 bulan yang pertama tahun ini.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Jumlah bilangan kanak-kanak, mengikut kaum, dalam rumah-rumah anak yatim di Malaysia seperti pada 30hb September, 1973 ialah 2,252 seperti berikut:

Di Semenanjung Malaysia dan Sarawak—

418	Melayu.
800	Cina.
582	India.
74	Lain-lain.

Di Sabah—

337	Bumiputra.
41	Bukan-Bumiputra.

Pecahan bilangan kanak-kanak dalam jagaan di Sabah mengikut kaum tidak dapat diperolehi.

Jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi menyelenggarakan rumah-rumah anak yatim itu dalam masa 9 bulan tahun ini ialah \$1,057,224.

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN CINA

22. Dr S. Seeveratnam minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan merasa bahawa pengiktirafan negeri Cina bergantung sangat kepada ketaatan dan kesetiaan orang-orang Cina Malaysia, seperti yang disuarakan oleh sebilangan pemimpin Kerajaan.

Perdana Menteri: Sebagaimana yang pernah saya nyatakan di Dewan ini, Malaysia telahpun mengiktiraf Kerajaan di Peking sebagai Kerajaan "de jure" dan "de facto" di Cina dan dari itu soal pengiktirafan tidak timbul lagi.

Tujuan perbincangan-perbincangan yang sedang diadakan pada masa ini ialah bagi penubuhan perhubungan diplomatik secara rasmi di antara kedua negara. Soal taat setia orang-orang keturunan Cina, ataupun yang berkaitan dengan bangsa-bangsa lain di Malaysia, ialah soal dalam negeri kita sendiri dan, bukanlah satu persoalan atau perkara yang termasuk dalam perbincangan itu.

Sepertimana yang telah saya sebutkan semasa menjawab soalan yang berkaitan dengan perkara ini pada minggu lepas, butir-butir perbincangan itu adalah sulit. Dari itu saya tidaklah dapat memberi tahu perkara-perkara yang sedang dibincangkan.

PERBELANJAAN MENGADAKAN PERAYAAN

23. Pengarah Rahun anak Debak minta Perdana Menteri menyatakan samada menjadi dasar Kerajaan Persekutuan membelanjakan wang dengan besar-besaran kerana perayaan-perayaan dan pesta-pesta manakala perbelanjaan-perbelanjaan yang

demikian boleh digunakan untuk projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Perdana Menteri: Bukanlah menjadi dasar Kerajaan Persekutuan untuk membelanjakan wang secara besar-besaran bagi mengadakan perayaan-perayaan dan keraian-keraian malahan, Kerajaan, seberapa yang boleh, cuba membataskannya mengikut keadaan atau suasana upacara itu.

Tujuan Kerajaan mengadakan perayaan-perayaan umpamanya bagi menyambut ulang tahun ke-10, ujudnya Malaysia, ialah untuk memupuk semangat kebangsaan dan taat-setia kepada Negara, sebagai satu langkah ke arah perpaduan Negara. Ahli Yang Berhormat tidak harus bimbang dalam soal belanjakan untuk projek-projek pembangunan kerana kita ada mempunyai peruntukan wang yang dibelanjakan bagi perayaan-perayaan bukanlah dengan tidak ada tujuan atau sia-sia sahaja, malah mempunyai matlamat jangka panjang yang penting iaitu, perpaduan rakyat yang berbilang kaum di Malaysia.

ELAUN SARA HIDUP (COLA)

24. Tuan Loh Jee Mee minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) samada Kerajaan telah memutuskan untuk membayar elaun sara hidup (COLA) kepada semua kakitangan Kerajaan, dan jika ya, bila;
- (ii) samada guru-guru di dalam tanggagaji Aziz berhak mendapat elaun sara hidup (COLA);
- (iii) jadual sara hidup (COLA) yang akan dibayar kepada berbagai kategori kakitangan Kerajaan; dan
- (iv) samada beliau akan mengarahkan pihak-pihak swasta membayar elaun sara hidup (COLA) berdasarkan kepada jadual yang sama.

Perdana Menteri: Kerajaan tidak memutuskan untuk membayar elaun sara hidup (COLA) kepada kakitangannya, tetapi telah meluluskan Elaun Bantuan Khas mulai 1hb Oktober, 1973, kepada kakitangan-kakitangannya, termasuk guru-guru, yang berpendapatan \$500 sebulan dan ke

bawah, mengikut kadar-kadar seperti berikut:

\$300 sebulan dan ke bawah	\$30 sebulan
\$301 hingga \$400 sebulan	\$20 sebulan
\$400 hingga \$500 sebulan	\$15 sebulan

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat kenyataan yang penuh mengenai perkara ini pada 20hb Oktober, 1973, yang mana telah disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Ahli Yang Berhormat tentulah telah membacanya sekiranya dia berminat dalam perkara ini.

Keputusan Kerajaan untuk membayar Elaun Bantuan Khas kepada kakitangan-kakitangannya mengikut kadar yang dinyatakan tadi, telah diambil setelah menimbangkannya dari semua segi, termasuk keazamannya untuk menolong golongan-golongan yang berpendapatan rendah menghadapi masalah kenaikan harga barang-barang keperluan dan untuk menentukan supaya apa-apa langkah yang diambil tidak pula menyebabkan keadaan harga tinggi menjadi lebih buruk, yang boleh menghampakan segala usaha kemajuan yang telah kita jalankan selama ini. Adalah diharap pihak swasta akan mengikut contoh Kerajaan dengan memberi elaun-elaun bantuan mengikut kadar yang sesuai dan berpatutan kepada pekerja-pekerja mereka.

PENDIRIAN MALAYSIA DI ASIA BARAT

25. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan ada menghantar apa-apa bantahan kepada Amerika Syarikat dan Russia kerana campur-tangan mereka dalam krisis Timur Tengah yang sepatutnya diselesaikan oleh Arab dan Israel, jika ya, nyatakan butir-butir yang terkandung dalam bantahan tersebut, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak): Kenyataan saya pada 28hb November, 1973 dalam Dewan ini semasa menjawab soalan yang serupa, memberi penjelasan yang terang mengenai dasar kita terhadap masalah di Asia Barat itu.

SELAT MELAKA

26. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hak-hak yang diberi kepada kapal-kapal

negeri Amerika melalui Selat Melaka dengan bebasnya sebagaimana yang mereka lakukan pada masa ini dan adakah beliau bercadang hendak menahan kapal-kapal Amerika daripada melalui secara langsung menolong Israel dalam peperangan Arab/Israel baru-baru ini.

Tun Haji Abdul Razak: Dasar kita terhadap Selat Melaka adalah berdasarkan prinsip perairan negara (territorial waters) sejauh 12 batu dan dalam pada itu, menjamin kebebasan kapal-kapal masuk belayar melalui selat itu mengikut prinsip "innocent passage". Ini adalah dasar Indonesia juga dan kedua-dua negara telah meluaskan perairan negara masing-masing ke 12 batu. Dari itu, dengan menggunakan garisan median melaluinya, Selat Melaka menjadi sebahagian daripada perairan negara masing-masing.

Amalan undang-undang antarabangsa mengenai soal keluasan perairan negara, hak "innocent passage" dan lain-lain perkara yang berkaitan masih dibincang di dalam Jawatankuasa Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan Dasar Laut (Sea Bed), sebagai persediaan untuk perbincangan yang muktamad dalam Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang laut pada tahun hadapan. Kita sememangnya bimbang akan kemungkinan Selat Melaka digunakan oleh Negara-negara lain untuk kepentingan politik dan ketenteraan mereka sendiri. Dari itu, di Persidangan Undang-undang Laut kelak, Malaysia dan Indonesia serta negara-negara lain, khususnya negara-negara membangun dan berkecuali, akan mengambil tindakan bersama untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa terhadap hak kita ke atas Selat Melaka yang menjadi sebahagian dari perairan negara kita.

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN CINA

27. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Luar Negeri menjelaskan tentang rintangan-rintangan yang wujud terhadap usaha-usaha hendak mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina. Adakah benar bahawa seramai 200,000 orang keturunan Cina di negeri ini yang tidak mempunyai kerakyatan menyulitkan perhubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

Tun Haji Abdul Razak: Saya telahpun menjawab kepada soalan yang serupa dan saya hanya dapat menyatakan sekali lagi bahawa rundingan-rundingan untuk penubuhan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina, masih berjalan dan tentulah Ahli Yang Berhormat faham bahawa, oleh kerana butir-butir perbincangan masih rahsia, saya tidaklah dapat menyatakannya. Saya sebutkan juga bahawa kemajuan perbincangan itu adalah memuaskan dan kita menjangka akan mencapai persetujuan untuk menubuhkan hubungan diplomatik tidak berapa lama lagi.

PENGECCUALIAN ASIA TENGGARA— SOKONGAN THAILAND

28. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) apakah reaksi Kerajaan Malaysia terhadap penggulingan rejim Tun Thanok Kittikachorn dan penggantiannya oleh Kerajaan "Interim" Tuan Sanya Thammasak di negeri Thai;
- (ii) samada apa-apa perubahan dalam dasar luar negeri Thai terhadap Malaysia; dan
- (iii) apakah reaksi Kerajaan Thai di bawah Perdana Menteri Tuan Sanya Thammasak terhadap dasar pengecualian Asia Tenggara.

Tun Haji Abdul Razak:

- (i) Perubahan-perubahan politik yang telah berlaku di Thailand baru-baru ini adalah perkara dalam negeri bagi rakyat Thailand sahaja.
- (ii) Malaysia dan Thailand mempunyai perhubungan yang sangat mesra selama ini dan Kerajaan Thailand yang baru telah memberi akuan yang perhubungan dan kerjasama yang rapat di antara kedua negara dan rakyat akan berterusan. Mungkin Ahli Yang Berhormat mengetahui bahawa mesyuarat Jawatankuasa Sempadan yang diadakan baru-baru ini di Bangkok telah berjalan dengan jayanya.
- (iii) Kerajaan Thailand telah membuat kenyataan umum bahawa dasar luar negeri Thailand tidak berubah. Dari itu, adalah nyata bahawa Thailand masih memberi sokongannya terhadap cadangan pengecualian Tenggara Asia.

TAMBAHAN TUGAS PENTADBIRAN KERAJAAN

29. Tuan Lim Pee Hung bertanya kepada Perdana Menteri, memandangkan perkembangan kemajuan yang pesat dalam negara kita, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan supaya menjamin bahawa kakitangan-kakitangan pentadbiran dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan supaya mempertahankan kemajuan pesat yang dicapai setakat ini.

Perdana Menteri: Kerajaan memang sedar akan penambahan tugas dan tanggungjawab bagi pentadbiran Kerajaan memandangkan perkembangan kemajuan yang pesat dalam pelaksanaan rancangan-ancangan dan projek-projek pembangunan. Pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk menentukan supaya kakitangan-kakitangan pentadbiran dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan supaya mempertahankan kemajuan pesat yang telah dicapai setakat ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam tahun 1971, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Negara di peringkat Persekutuan, Jawatankuasa Tindakan Negeri di peringkat Negeri, dan Jawatankuasa Tindakan Daerah di peringkat Daerah untuk mengawasi dan menyelaraskan pelaksanaan rancangan pembangunan, khususnya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tugas mereka termasuklah mengawasi segala kesulitan dari segi dasar, pelaksanaan atau kelemahan jentera Kerajaan. Mesyuarat kerap kali diadakan untuk menentukan supaya tiap-tiap bahagian pentadbiran dalam Kerajaan menjalankan tugas-tugas mereka mengikut dasar-dasar dan jadual-jadual yang telah ditetapkan.

Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran yang ditubuhkan pada 1hb Ogos, 1971, selain daripada menyelaraskan dan mengawasi pelaksanaan projek-projek pembangunan, telah juga diberi tanggungjawab bagi memaju serta mengekalkan pada setiap masa sistem pentadbiran Kerajaan yang dinamis dan berkesan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan.

Kerajaan juga berusaha memberikan latihan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang bertanggungjawab atas pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan bagi

memperbaiki mutu serta taraf perkhidmatan yang diberi oleh mereka.

Di mana didapati kekurangan perjawatan di Kementerian/Jabatan, maka jawatan-jawatan telah ditambah dan seterusnya segala perjawatan yang telah diluluskan itu diisi dengan secepat mungkin. Bagi jawatan-jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisias seperti doktor-doktor, jurutera-jurutera dan pegawai-pegawai pentadbir, perlantikan secara sementara dibuat sebelum mereka itu ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk perlantikan secara tetap supaya jentera Kerajaan tidak tergendala oleh sebab kekurangan pegawai-pegawai.

Oleh yang demikian, adalah ternyata bahawa Kerajaan sentiasa berusaha dan akan terus berusaha supaya menjamin bahawa kakitangan pentadbiran dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan supaya mempertahankan kemajuan yang dicapai setakat ini.

LAWATAN RASMI AHLI-AHLI PARLIMEN

30. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menganjurkan lawatan rasmi Ahli-ahli Parlimen untuk menyaksikan sendiri kemajuan dan perkembangan perusahaan yang telah dicapai oleh negara kita semenjak Merdeka dan sejauh mana pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua telah dijalankan.

Perdana Menteri: Cadangan dari Ahli Yang Berhormat itu adalah satu cadangan yang baik dan boleh kita timbangkan jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka hendak membuat lawatan sedemikian.

PENGAMBILAN JURURAWAT/ PEMBANTU JURURAWAT

31. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan-tindakan yang Kerajaan telah ambil untuk memperbaiki keadaan tidak seimbang dalam pengambilan jururawat-jururawat dan pembantu-pembantu jururawat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kerana mereka tidak menggambarkan penduduk-penduduk berbilang kaum di negara ini.

Perdana Menteri: Soalan ini adalah melanggar Peraturan Tetap 36 (8), akan tetapi saya akan memberi jawapan juga supaya perkara yang dibangkitkan tidak akan menimbulkan keraguan lagi tentang pendirian Kerajaan dalam soal ini.

Kerajaan berpuashati bahawa dalam pengambilan jururawat-jururawat dan pembantu-pembantu jururawat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah menjalankan tugas-tugasnya dengan penuh keadilan dan kejujuran. Sekiranya berkebetulan bahawa dalam setahun dua ini terdapat lebih ramai pemohon-pemohon Melayu yang berjaya, ini ialah kerana lebih ramai pemohon-pemohon adalah terdiri dari orang-orang Melayu daripada orang-orang bukan Melayu. Walaupun demikian, peratus pemohon-pemohon bukan Melayu yang berjaya adalah lebih daripada pemohon-pemohon Melayu. Sila lihat angka-angka yang tertera di lampiran "A" yang diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dalam pada itu sila lihat lampiran "B" pula, yang menunjukkan bahawa peratus jururawat-jururawat Melayu dalam semua kategori, pada 31-10-73, adalah kurang dari 20% jumlah jururawat-jururawat yang sedang berkhidmat. Dan, walaupun dengan mencampur jumlah jururawat-jururawat dengan jumlah pembantu-pembantu jururawat, bilangan Melayunya masih jauh rendah daripada bilangan bukan Melayu.

Dari itu Ahli Yang Berhormat harus melihat satu-satu soal yang melibatkan soal perkauman dari sudut sepenuhnya atau keseluruhannya dan tidak dari sudut kecil dan pada satu-satu ketika sahaja.

Dalam menjalankan tugas-tugasnya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tentulah berpandukan kepada dasar Kerajaan untuk mengseimbangkan kedudukan jawatan-jawatan di dalam perkhidmatan Kerajaan supaya menggambarkan keadaan penduduk-penduduk berbilang kaum di negara ini.

LAMPIRAN "A"

(Lampiran kepada Jawapan No. 31 3hb Disember, 1973)

A (i) JURURAWAT

(Urusan Pengambilan—Julai hingga Ogos, 1972)
(Kelayakan asas: S.P.M./M.C.E. dengan kelulusan dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia II, Bahasa Inggeris dan Sains)

Seramai 1,733 calon Melayu dan 313 bukan Melayu yang mempunyai kelayakan asas telah dipanggil untuk ditemuduga. Daripada bilangan ini, seramai 1,412 Melayu dan 290 bukan Melayu telah menghadiri temuduga.

Yang Terpilih:

Melayu	...	326	23%	daripada yang ditemuduga
Bukan Melayu		81	27%	daripada yang ditemuduga

(Urusan Pengambilan—September, 1973)

Seramai 3,635 calon Melayu dan 651 bukan Melayu telah dipanggil untuk ditemuduga. Daripada bilangan ini, seramai 3,085 Melayu dan 567 bukan Melayu telah menghadiri temuduga.

Yang Terpilih:

Melayu	...	606	9.4%	daripada yang ditemuduga
Bukan Melayu		84	14.8%	daripada yang ditemuduga

A (ii) PENOLONG JURURAWAT

(Urusan Pengambilan—November hingga Disember, 1972)

(Kelayakan asas: S.R.P./L.C.E. dengan kelulusan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Malaysia II, Bahasa Inggeris/Bahasa Inggeris Rendah dan Sains)

Bilangan dipanggil untuk ditemuduga	2,660	2,528 Melayu	132 Bukan Melayu
Bilangan sebenarnya yang menghadiri temuduga	...	2,303 Melayu	118 Bukan Melayu

Yang Terpilih:

Melayu	...	529	22.4%	daripada yang ditemuduga
Bukan Melayu		71	60%	daripada yang ditemuduga

(Urusan Pengambilan—Ogos hingga September, 1973)

Bilangan dipanggil untuk ditemuduga	3,145	2,936 Melayu	209 Bukan Melayu
Bilangan sebenar yang menghadiri temuduga	...	2,293 Melayu	153 Bukan Melayu

Yang Terpilih:

Melayu	...	351	15%	daripada yang ditemuduga
Bukan Melayu		59	38.5%	daripada yang ditemuduga

Bilangan yang tersebut di atas menunjukkan bahawa peratus calon-calon yang berjaya dipilih (berbanding dengan bilangan calon yang sebenarnya ditemuduga) di kalangan Bukan Melayu adalah lebih tinggi daripada calon-calon Melayu.

LAMPIRAN "B"

B (i) *Semua kategori Jururawat-jururawat Terlatih (pada 31-10-73)*

Melayu	605
Cina	1,950
India	425
Lain-lain	62
				3,042
			Jumlah	...

B (ii) *Pembantu-pembantu Jururawat (pada 31-10-73)*

Melayu	1,883
Cina	727
India	364
Lain-lain	30
				3,004
			Jumlah	...

B (iii) *Jumlah B (i) dan B (ii)*

Melayu	2,488—41%
Bukan Melayu	3,558—59%

USUL

**KAJIAN SEMULA PERTENGAHAN
PENGGAL RANCANGAN
MALAYSIA KEDUA**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Usul dikemukakan oleh Perdana Menteri dan Masaalah dicadangkan:

Bahasa Dewan ini, *sambil menyedari* kejayaan cemerlang dalam masa tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua, dalam usaha-usaha untuk mencapai dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi mempertimbangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, *meluluskan* Kajian Semula Ran-

cangan Malaysia Kedua, dengan peruntukan-peruntukan perbelanjaan pembangunan awam yang dikaji semula bagi tujuan memenuhi matlamat-matlamat yang telah bertambah dari segi ukuran-ukuran dasar dan rancangan-rancangan pembangunan sebagaimana yang tercatat dalam Kertas Perintah No. 44 tahun 1973.

Bahawa, sambil meluluskan Kajian Semula Rancangan ini, Dewan *menyeru* agar semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup dengan sepenuh azam akan membaharui dedikasi dan melibatkan diri mereka dalam usaha yang penuh cabaran ini bagi menentukan kejayaan sepenuhnya matlamat Rancangan Malaysia Kedua serta Dasar Ekonomi Baru dan dengan ini akan mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama dan satu negara yang bersatu dan maju yang sebenarnya dapat kita semua rakyat Malaysia banggakan dalam memberi perkhidmatan dan mempertahankannya, sebagaimana yang dikehendaki oleh Rukunegara. (30hb November, 1973).

Perbahasan disambung semula.

3.35 ptg.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dan memberi pandangan-pandangan dan pertanyaan-pertanyaan di dalam perbahasan Kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Yang Kedua, saya dengan sukacitanya akan memberi penjelasan dan keterangan-keterangan terutama sekali daripada pihak Parti-parti Pembangkang yang ada juga membawa banyak pandangan-pandangan dan setengah-setengahnya tuduhan-tuduhan terhadap kepada Kerajaan ataupun pihak Keretapi ataupun pejabat-pejabat di bawah Kementerian saya.

Saya dengan sukacitanya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Payang yang beliau juga merangkap sebagai Ketua Menteri Sarawak yang telah memberi banyak pandangan-pandangan terutama sekali mengenai projek-projek pembesaran Pelabuhan-pelabuhan Kuching dan Sibu supaya memenuhi kehendak-kehendak dalam jangka masa

panjang, saya suka menjelaskan bahawa rancangan keperluan-keperluan jangka masa panjang bagi pelabuhan-pelabuhan di Kuching dan Sibu memanglah dalam perhatian Kementerian saya dan pembesaran-pembesaran pelabuhan-pelabuhan ini telah mengikut kehendak dan juga recommendation ataupun pengakuan daripada pakar-pakar yang telah kita gunakan.

Rancangan pembesaran yang dijalankan sekarang ini telah diambil perhitungan kepada kehendak-kehendak trafik atau muatan yang dipungah dan juga yang dinaikkan kepada kapal-kapal di pelabuhan situ yang akan dikelolakan oleh kedua-dua pelabuhan buat beberapa tahun yang akan datang.

Segala rancangan pembesaran jangka panjang pelabuhan-pelabuhan tersebut mestilah diselaraskan dengan pembesaran-pembesaran pelabuhan-pelabuhan lain di kawasan Sarawak dan Sabah dan juga pelabuhan-pelabuhan di lain-lain tempat di negara kita Malaysia ini. Rancangan jangka panjang juga bergantung kepada perkembangan dan kemajuan ekonomi di kawasan sekelilingnya dan saya sangat sukacita yang wakil-wakil daripada pelabuhan mahupun daripada Sabah dan Kuching juga daripada Semenanjung Malaysia, Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang dan Kelang, dan juga Johor telah mengadakan perundingannya di Kota Kinabalu dan telah bersetuju mengadakan sebuah Majlis Penasihat Kebangsaan supaya dapat mengatur dan menyelaraskan segala kemajuan-kemajuan rancangan jangka panjang pelabuhan-pelabuhan di seluruh Malaysia ini.

Cadangan Ahli Yang Berhormat selanjutnya juga menyentuh mengenai dengan rancangan pembesaran jeti di Tanjung Kelurang supaya dibuat bagi maksud jangka panjang, sambil memahami kehendak-kehendak di dalam jangka masa yang pendek juga. Saya suka menjelaskan bahawa rancangan-rancangan jangka panjang jeti di Tanjung Kelurang ialah bergantung kepada hasil-hasil kajian yang dijalankan sekarang ini. Menurut kajian yang dibuat oleh pakar-pakar bahawa rancangan-rancangan ini dapat mengendalikannya pengeluaran hasil-hasil daripada kawasan tersebut.

Ahli Yang Berhormat juga selanjutnya mencadangkan supaya projek pembesaran lapangan terbang Sibu bagi tujuan untuk membolehkan Boing 737 mendarat. Ini juga Kementerian saya dan saya sendiri telahpun menyasat satu pelan induk (master plan) sebagai panduan jangka pendek panjang rancangan pembangunan dan pembinaan lapangan terbang di negara kita seluruhnya telah juga dikaji maka kajian kepada lapangan terbang Sibu supaya membolehkan Boing 737 mendarat sedang dibuat oleh Kementerian dan jika boleh kajian tersebut akan disegerakan. Di samping itu juga Kementerian saya sedang memperbaiki keadaan lapangan terbang di Sibu dan kerja-kerja pengambilan tanah telahpun disiapkan dan wang peruntukan telahpun dibagi untuk menyasat soil testing tanah di kawasan yang hendak dijalankan pembinaan lapangan terbang yang baru itu.

Berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bungsar mengenai pemberhentian perkhidmatan keretapi di antara Kuala Lumpur/Petaling Jaya dan Kuala Lumpur/Kelang yang menurut pandangannya telah menambah kesesakan di jalan lebuhraya, saya suka memberi penjelasan bahawa ujian mengenai perkhidmatan keretapi di antara Kuala Lumpur/Petaling Jaya dan Kuala Lumpur/Kelang telah juga dibuat dalam tempoh tidak kurang daripada tiga bulan, tetapi hasilnya menunjukkan mereka yang tinggal di Petaling Jaya masih lagi menggunakan kereta-kereta mereka. Ini tidak memberi bekas dan keretapi pun didapati menjalankan perkhidmatan dengan kerugian. Sebab itulah diberhentikan. Begitu juga perkhidmatan keretapi ke Kelang membawa penumpang-penumpang telah dicuba digalakkan, banyak lagi diadakan kalinya, tetapi tidak juga memberi kesan, mereka yang menggunakan kereta masih juga menggunakan keretanya, yang menaiki bas masih juga naik bas dan keretapi telah kerugian besar dan setahun dikira lebih kurang \$400,000. Oleh sebab itu, telah diminta kebenaran supaya diberhentikan perkhidmatan penumpang-penumpang di antara Kuala Lumpur/Kelang dan Kuala Lumpur/Petaling Jaya, dengan adanya ditambah lagi perkhidmatan-perkhidmatan bas dan kalau perlu teksi-teksi di tempat-tempat yang tertentu pun akan ditambah lagi. Ini akan menguntungkan perusahaan kenderaan di jalanraya dan menutup

kerugian yang besar yang dihadapi tiap-tiap tahun sejak beberapa lama oleh keretapi itu. Dan tentang menepati jadual keretapi dan membaiki lagi keadaan-keadaan dalam perjalanan keretapi dan lain-lain memanglah keretapi telah menambah gerabak-gerabak yang baru supaya mengelakkan daripada kemalangan (derailment) dan juga telah menambah coach-coach passenger yang baru kerana coach-coach yang lama mestilah diganti dengan yang baik keadaannya. Dan berkenaan dengan jadual-jadual, memanglah diatur, tetapi malangnya apabila rel keretapi itu terpaksa dibaiki, keretapi kenalah berjalan lebih perlahan (slow) daripada yang ditetapkan. Sebab itulah ada kadang-kadangnya lambat daripada jadual kerana kita percayakan "Biar lambat asalkan selamat". Pandangan dan cadangan-cadangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu memanglah menjadi dasar dan pandangan pihak Keretapi sejak beberapa lama dahulu.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Darvel, Sarawak supaya tambang-tambang penerbangan MAS tidak dinaikkan seperti juga IATA yang menaikkan tambangnya, saya suka memberi penjelasan bahawa tambang-tambang penerbangan MAS pada jalan-jalan (route) yang mengikut international umpamanya terbang ke London bersama-sama BOAC, ke Bangkok, ke Taipei, ke Jakarta atau Medan semuanya ini termasuk regional atau international adalah berdasarkan kepada kadar-kadar tambang yang ditetapkan oleh IATA. Pihak IATA telahpun membuat keputusan untuk menaikkan kadar tambang penerbangan antarabangsa oleh kerana kenaikan harga minyak di seluruh dunia. Sungguhpun MAS bukan ahli IATA, kadar-kadar tambang penerbangan antarabangsa MAS adalah mengikut kadar tambang IATA iaitu sebagaimana yang dilakukan oleh syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang lain yang tidak menjadi ahli IATA.

Berhubung dengan tambang-tambang penerbangan MAS dalam negara kita Malaysia (domestic service), pihak MAS sedang mengkaji perkara ini memandangkan kepada keadaan kenaikan minyak dan jika difikirkan perlu maka kajian ini akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan. Tetapi saya berani memberi pengakuan di sini kiranya harga minyak itu dinaikkan beberapa percent patut juga kita

menimbang kerana MAS ini sebagai suatu syarikat perniagaan, maka kalau sudah harga minyak naik, harga yang lain pun naik, harga tambang tak naik bagaimana MAS mahu berniaga, tentu dia tak boleh berniaga, tetapi walau macammanapun saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab bagi pihak Kerajaan sekiranya ada permintaan-permintaan supaya dinaikkan, saya akan siasat baik-baik dan akan mematuhtkan kenaikan jangan sampai menyusahkan orang ramai yang hendak menggunakan kapal-terbang dalam kawasan Malaysia (domestic service).

Kepada soalan-soalan yang lain, pertama sekali mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang mengatakan, "Many Malays with proper connection with the Communications Ministry possess not one but several taxi licences". Ini tuduhan yang melulu. Beliau mesti faham, kononnya ada calun-calun yang sudah kalah pilihanraya pun dapat teksi. Memohon teksi itu ada dasarnya, Kerajaan membentuk sebuah Majlis Pelesen, saya yang melantiknya terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan juga dua orang mewakili pihak public dan segala permohonan itu akan diproses dan akan disalurkan kepada Majlis Pelesen ini bukan sahaja bekas calun yang tak menang, kalau Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu walau dia menang pun dia boleh masuk memohon, tetapi apabila diproses oleh Majlis Pelesen samada dia dapat atau tidak, itu nanti akan disiasat samada dia layak dibagi, kalau banyak lagi orang-orang lain yang lebih layak, yang patut diberi seperti bekas asykar, bekas SC, bekas Pasukan Keselamatan, memang Kerajaan beri keutamaan kepada mereka itu yang tak ada matapencarian, itu kita beri keutamaan. Dan tidak mesti tiap-tiap orang yang memohon itu akan dibagi, akan ditimbang dari segala segi, dasar dan ada keutamaannya. Saya harap tuduhan yang melulu semacam itu tentulah tak kena pada tempatnya. Kalau beliau ada perkara yang tertentu bolehlah berhubung dengan saya, saya boleh jalankan siasatan supaya kita akan bentangkan perkara yang tak betul mesti dibetulkan dan diperbaiki, kononnya ada juga syarikat-syarikat yang ada teksi itu orang yang membawanya. Bagi pengetahuannya barangkali beliau juga di Bandar Melaka mesti tahu, dahulu di

Melaka ada Syarikat Kerjasama Teksi, oleh kerana hendak menggalakkan syarikat kerjasama yang ramai ahlinya, maka permohonan teksi itu kita luluskan, tetapi malangnya kem Trendak di Sungai Udang telah ditutup, maka kita benarkan supaya dipindahkan daripada situ ke Bandar Melaka. Samada ahli-ahlinya membawa ataupun digeler-gelerkan, itu terpulanglah kepada syarikat tersebut, tetapi kalau ada perkara-perkara yang menyalahi undang-undang dan beliau tahu sebagai Ahli Yang Berhormat, saya dengan hormatnya mempersilakan beliau supaya dapat berhubung dengan saya sendiri atau pegawai saya supaya boleh menyasat atas perkara ini dan bukanlah mendatangkan tuduhan melulu. Semua rakyat Malaysia boleh memohon lesen teksi, dan Lembaga Pelesen akan menimbangkan permohonan mereka itu. Lembaga Pelesen biasanya menimbangkan kelayakan permohonan daripada segi kedudukan kewangan, kebolehan-kebolehan memandu teksi, tinggal di tempat pengkalan teksi yang dipohon itu dan pemohon adalah berkhidmat dalam Pasukan-pasukan Keselamatan, mereka itu diberi keutamaan. Oleh yang demikian, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka sekiranya ada apa-apa perkara yang barangkali tidak kena pada pandangannya dan salah dari segi undang-undang agar dapat berhubung kepada Kementerian saya dan pegawai-pegawai saya akan mengadakan penyiasatan yang rapi dan kita akan ambil tindakan sekiranya ada bukti-buktinya.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat yang membawa banyak soalan atau pertanyaan-pertanyaan, dan katanya beliau ingin mengetahui di atas sebab-sebab Pentadbiran Keretapi tidak mengambil tindakan bagi menaikkan pangkat-pangkat pegawai-pegawai yang telah memangku jawatan naik pangkat selepas mereka telah tamat tempoh pemangkuan jawatan-jawatan tersebut selepas 6 bulan. Saya dengan sukacitanya menerangkan kepada beliau di sini bahawa Pentadbiran Keretapi memang sentiasa giat dalam usahanya untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut dengan tidak membuang masa lagi.

Bilangan jawatan-jawatan naik pangkat seumpama ini dalam Pentadbiran Keretapi adalah tidak banyak, tetapi bilangan jawatan-jawatan naik pangkat secara lantikan adalah

banyak. Di dalam hubungan ini, Ahli Yang Berhormat adalah dimaklumkan bahawa syarat kenaikan pangkat selepas memangku dalam tempoh 6 bulan tidak timbul oleh kerana kenaikan pangkat bagi jawatan-jawatan tersebut adalah diisi secara pilihan di mana tiap-tiap pegawai yang layak sekalipun ia memangku jawatan itu adalah dikehendaki bertanding bersama-sama dengan jiran sejawatnya yang sama layak. Umpamanya di dalam semua jawatan pemangkuan kecuali tingkatan tertinggi dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas. Pengesahan adalah dijalankan oleh Urusan Kenaikan Pangkat di mana pegawai-pegawai yang memangku adalah ditimbangkan bersama-sama dengan pegawai-pegawai yang lain. Dalam urusan itu, mungkin pegawai-pegawai yang memangku tidak dipilih untuk kenaikan pangkat. Dalam urusan kenaikan pangkat dasar kenaikan pangkat ialah semata-mata atas kebolehan calon-calon itu iaitu mengikut kecekapan sifat keperibadian, kelulusan dan pengalamannya dari soal merit bukan sahaja dengan sebab lama dalam jawatan.

Contoh yang kedua umpamanya, setengah jawatan kenaikan pangkatan bukan sebenarnya kosong, akan tetapi ialah pemegangnya pada masa itu menjalankan tugas yang lain. Mereka memangku jawatan itu adalah memangku semasa pemegangnya itu tidak ada sahaja. Mereka memangku bukan dengan tujuan naik pangkat, tetapi memangku buat sementara.

Yang ketiga, contohnya setengah jawatan pemangkuan bukannya jawatan naik pangkat bagi pegawai yang memangku itu. Mereka hanya menjalankan tugas jawatan itu dengan diberi elaun tanggungan kerja. Mereka tidak layak untuk naik pangkat kepada jawatan itu umpamanya dia lebih rendah daripada gred yang memangkunya itu.

Keempat, jawatan-jawatan dalam Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar tidak layak mendapat elaun memangku menjalankan tugas yang lebih tinggi mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan. Dalam perkara itu, Pengurus Besar telah mengaturkan mereka diberi higher duty allowance yang lebih tinggi sahaja. Kenaikan mereka kepada jawatan itu dijalankan di dalam urusan kenaikan pangkat di mana mereka yang menjalankan tugas itu akan ditimbangkan bersama-sama dengan calon-calon yang lain.

Mungkin juga dalam urusan ini mereka yang memangku tidak dipilih oleh kerana barangkali kurang kecekapan, kurang kelayakan. Inilah yang menjadi buah mulut yang mana Yang Berhormat itu barangkali hanya dengar daripada sebelah pihak yang mendatangkan tuduh-tuduhan yang kononnya banyak considerable frustration and humiliation prevail among the staff of the Malayan Railway. Ini dikatakan banyak daripada pihak-pihak Keretapi yang tidak berpuas hati kononnya pandang rendah begitu dan begini. Sudah saya terangkan ini bahkan pihak Keretapi memang tidak mahu mengosongkan, kalau ada kosong sahaja diisikan untuk dipangku oleh sesiapa juga maka tentulah perkara frustration dan lain-lain humiliation ini tidak ada timbul. Saya harap Ahli Yang Berhormat sekiranya ada perkara-perkara yang dia dengar barangkali di sebelah pihak boleh juga berhubung dengan pihak yang berkenaan supaya dapat cerita yang sebelah pihak lagi agar dapat dibandingkan, tidaklah meluntarkan tuduhan-tuduhan yang melulu tiap-tiap kali dalam Dewan Yang Berhormat ini.

Dengan ini, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang baik, kita akan timbangkan, dan kalau ada kewangan, kita akan jalankan. Kepada mereka daripada pihak Pembangkang, kita memang sedia mendapatkan pandangan dan juga cadangan-cadangan daripada pihak Pembangkang secara yang constructive, tetapi bukan destructive, bukan cara yang melulu, bukan cara hanya suka hendak melemparkan tuduhan-tuduhan dengan membuta-tuli sahaja. Sekali lagi, saya ucapkan berbilang terima kasih.

3.56 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, di samping saya bercakap dalam Bahasa Kebangsaan, saya juga mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, as we debate this Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan, our thoughts go back to the days when we had as one of our leaders and guides in the whole endeavour to fashion a new Malaysian society our late Deputy Prime Minister, Tun Dr Ismail bin Datuk Abdul

Rahman. He, together with our Prime Minister, Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, was responsible for the visions that the New Economic Policy and the Second Malaysia Plan have for the new society that we seek to create. We valued his statesmanlike advice and guidance and his strong belief in a democratic and multi-racial Malaysia, with opportunities and advancement for all Malaysians. He was always a source of confidence and optimism for all of us who worked with him. We enjoyed him as a warm host and friend and respected him as a hard task-master.

He is no longer with us. But let us, in his memory and the things he stood for, re-double our commitment and efforts to make the vision of the new Malaysian society a reality within this generation itself.

Sir, a number of Members spoke on employment and some from the Opposition took the opportunity to criticise the Government and the M.I.C. The Honourable Member for Datuk Kramat remarked that there were inconsistencies in the statistics relating to job creation as reported in the Review and that contained in the monthly Newsletter of the Ministry of Labour and Manpower. According to the Ministry's Report, on the average about 2,000 persons were placed in employment each month. Thus, in the past three years he said there could have been only about 72,000 job opportunities and not 348,000 as reported in the Review.

Sir, this average monthly placement of 2,000 persons was for last year but the figure of placements through our employment service has gone up very much this year. Placement figures published in the Monthly Newsletter of the Ministry of Labour, which the Honourable Member was referring to, only relate to those effected by the employment service network in the country.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

There are a variety of recruitment methods and employers choose those that are most suitable and convenient for their purposes. Not all employers in the country take in workers through the employment service. As such, it is incorrect to conclude

that figures published in the Monthly Newsletter present the total job placements effected for any particular month. This in fact is explicitly stated in every issue of the publication. It could be said, Sir, that normally one job in every five is filled through the employment service.

In reply to the Honourable Member for Pulau Pinang Selatan, I would like to state that the Review presents reliable statistics on the unemployment problem in the country. Through expanded job creation activities during the last three years, the overall unemployment rate has been reduced by 0.3 per cent from the 1970 figure of 7.5 per cent and it is expected to drop by a further 0.2 per cent by the end of the Plan period. It is true that not unemployed persons are registered with the employment service, but in view of the favourable trends in the reduction of unemployment, a survey is not necessary.

Sir, with regard to the comments by the Honourable Member for Pulau Pinang Utara in the observations he made, I would like to state here, Sir, that the twin objectives of the Second Malaysia Plan is to restructure society and eradicate poverty irrespective of race.

On the question of alleviating unemployment amongst Indians, the employment service of the Ministry of Labour has contributed by placing about 9,675 Indians comprising 11% of the total placements effected by the employment service during the period. This does not take into account those recruited directly without the assistance of the employment office. The Government takes note of the high rate of unemployment amongst Indians as revealed in the Review and it shall take all appropriate measures to deal with this problem.

Some Honourable Members also raised the question of workers in estates and mines. Seperti ternyata di dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal, Rancangan Malaysia Kedua, langkah-langkah telahpun dimulakan oleh Kerajaan bagi membaiki kebajikan-kebajikan dan kemudahan-kemudahan di ladang-ladang dan lombong-lombong. Langkah-langkah menguatkuasakan sedang diambil untuk menentukan yang kemudahan-kemudahan yang cukup seperti perumahan, perbekalan air, hal membaiki keadaan

kesihatan, bilik anak-anak, layanan perubatan dan tanah berkebum dan untuk binatang ternakan makan rumput telah dibekalkan kepada pekerja-pekerja dan tanggungan-tanggungan mereka di ladang-ladang dan lombong-lombong. Kerajaan bersama-sama dengan sumbangan pengurusan ladang-ladang dan lombong-lombong dan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri akan menjayakan rancangan-rancangan mempunyai rumah untuk membolehkan pekerja-pekerja mempunyai tanah dan rumah-rumah berdekatan dengan tempat-tempat kerja supaya satu masyarakat yang baru dan maju yang terdiri daripada warganegara-warganegara berbilang bangsa dapat ditubuhkan. Oleh itu, adalah diharapkan supaya mereka ini dapat salurkan secara langsung ke dalam aliran utama kehidupan sosial dan ekonomi negara.

One pilot project is now on an advanced stage of launching and it is hoped that the project will be launched soon. Once the pilot project is well on its way, further projects are expected to be planned and implemented. It will be appreciated that a good deal of careful planning is needed initially to ensure that any housing project to be started would be within the means of the workers and would have every chance of becoming a viable community. I am confident that workers on estates and mines and the trade unions will welcome this move by the Government to promote house ownership for their benefit and this would enable them to shed their traditional dependence, which has continued for many decades, on the tied housing on their places of employment and to live in dignity and pride in houses of their own.

Sir, a number of Honourable Members have, during this debate on the Mid-Term Review, raised the issue of the economic plight of Malaysian Indians. I thank them for their interest in this matter. I do not think that any session of this House has devoted so much time as during this session on this issue. Members from both sides of the House have spoken on this issue.

The social and economic position of Malaysian Indians is a matter of close concern to the Government, of which the MIC is a part, and in the MIC itself. Most of the data referred to by the Honourable Members in their remarks on this matter

has been drawn from the Government's own document, the Mid-Term Review. The Government has not sought to conceal this information or any other information on the problems confronting this country.

It is to deal with problems such as this and to draw Malaysians of all races fully into the mainstream of the nation's life and progress that the New Economic Policy has been launched. It is in recognition of this request for ample opportunity for all Malaysians that Malaysian Indians have fully supported this Policy. The Government has given the categoric assurance that everything will be done to enable the disadvantaged among all Malaysians to participate in and benefit from Malaysia's progress.

The Honourable the Prime Minister has repeated this assurance in his address in introducing the Review. I have every confidence that this can be done and that the process of focussing such attention on the plight of the Malaysian Indians has already begun.

The policy of the Government, now being actively implemented to bring about racial balance in employment and the steps being taken to ensure a fairer distribution of opportunities in the ownership and management of the wealth of this country, are outlined in the Plan. I am confident this would lead to significant improvements in the status and the positions of Malaysian Indians and others as part of the overall new Malaysian society that is emerging.

Let me also point out, Sir, that, as in the case of the Malays and other Malaysians, significant improvement in the well-being of the Indians can only come about with their orientation, particularly that of the younger generation, to take effective advantage of the opportunities that are being created. In terms of education and training, in terms of mobility and attitude, their preparation for these new opportunities has to be dramatically improved. In these, of course, there is a considerable need for a greater spirit of determination and motivation for self-improvement and action in the community.

We in the Government and the MIC are conscious of this and have indeed started devoting attention to this aspect. The

Government has already assured that the weaknesses among Indian students and others pointed out by the Drop-out Report will be rectified, along with the removal of other imbalances and weaknesses for the poor generally. A number of groups of Malaysian Indians, particularly those in more fortunate positions have come forward to provide greater motivation and assistance to students from poor backgrounds so that their dropping out of school and poor performances is averted. We also have the assurance that enrolments into institutions of higher education will take due account of the weak position of the community and their share in the population.

In the field of economics, too, a number of voluntary programmes are being sponsored, which I do not need to outline here in this House at this stage. These programmes will supplement the many projects sponsored by the Government in which Malaysian Indians will also have the opportunity to participate.

Tuan Yang di-Pertua, as can be seen, we are completely aware of the situation and are already taking steps to overcome the problems posed, as partners in the development process and as Malaysians eager and able to contribute and benefit from the overall growth of this action of ours.

4.10 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya cuma menjawab soalan dalam perbahasan Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka telah menyebutkan perkara kematian dalam Hospital Besar Melaka dalam bulan Julai sampai bulan Ogos tahun ini. Saya suka memaklumkan kepada Dewan ini dan juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka, dalam hal ini saya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang mengandungi nama-nama seperti yang tersebut di bawah ini:

1. Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan—(Pengerusi).

Ahli-ahlinya:

2. Professor Lau Kam Seng—Universiti Malaya;
3. Professor Francis Mor Singh—Universiti Sains Pulau Pinang;

4. Dr Lim Tiong Wah—Pusat Penyelidikan Perubatan;
5. Dr Ezaddin bin Mohamed—Kementerian Kesihatan; dan
6. Dr C. G. Lopez, Pengarah Pusat Pemindahan Darah Kebangsaan, Kuala Lumpur.

Jawatankuasa tersebut telah menjalankan siasatan-siasatannya dan akan mengemukakan satu laporan kepada saya tidak berapa lama lagi.

Mengenai keruntuhan sebatang tiang palur di klinik bidan di jalan Gereja, Melaka, pada 14hb November tahun ini adalah satu perkara yang tidak disangka-sangka dan tidak boleh disalahkan kepada sesiapa pun. Pihak J.K.R. sudahpun membaikinya dengan menggantikan palur yang baru. Begitu juga lantai-lantai dan palur-palur yang lama telah digantikan dengan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat wakil dari Dato Kramat dalam perbahasan di Dewan ini berkaitan dengan pengambilan Jururawat. Bila saya membuat kenyataan akhbar yang tersebut pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah memberi jawapannya seperti yang tersiar dalam *Straits Times* pada 14hb September tahun ini. Daripada angka-angka yang telah diberikan itu dengan urusan pengambilan-pengambilan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya itu adalah wajar untuk menyeimbangkan bilangan Jururawat di dalam Kementerian saya mengikut dasar kaum.

Tuan Yang di-Pertua, inilah jawapan saya yang singkat sahaja dan dengan ini, saya ucapkan terima kasih.

4.15 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian menyentuh soal-soal dalam Kementerian saya sewaktu perbahasan ini berjalan. Walau bagaimanapun, saya terlebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian menyentuh sedikit-sebanyak hal-hal dalam Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Timur telah membangkitkan dua perkara: Yang pertama ialah menyeru supaya Felda mengadakan kemudahan-kemudahan recreational di kawasan rancangan mereka bagi kemudahan peneroka-peneroka. Hal ini Felda telah seberapa daya-upaya mencuba mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut di rancangan-rancangannya, tetapi oleh kerana peruntukan yang sangat terhad yang diberi mengenai perkara ini, maka kemudahan-kemudahan yang dapat dilaksanakan juga adalah terhad. Walau bagaimanapun, saya akan berikhtiar untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan tambahan dari pihak-pihak yang berkenaan bagi memenuhi keperluan-keperluan recreational itu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rancangan-rancangan baru yang akan dibuka pada masa yang akan datang sudah dibuat perkiraan supaya sewaktu mengadakan lay-outnya dan pembinaannya, kemudahan-kemudahan sukan seperti ini akan diwujudkan bersama-sama dengan kemudahan-kemudahan yang lain.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat itu menyeru supaya pihak Felda membina semula rumah-rumah peneroka yang telah rosak ataupun yang telah lama.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Felda untuk melatih peserta-peserta supaya berdikari dan sekiranya rumah-rumah peserta rosak sepatutnyalah mereka itu sendiri menjalankan usaha untuk membaiki dan ini telahpun dijalankan oleh peserta-peserta itu sendiri di beberapa buah rancangan. Jika sekiranya pihak Felda dikehendaki juga untuk membaiki rumah-rumah peserta yang telah rosak dan yang lama, maka ini bermakna peserta-peserta akan menghadapi bebanan hutang yang lebih besar lagi dan peserta-peserta akan sentiasa bergantung kepada Felda dan tidak akan cuba berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kampar menyeru supaya Kerajaan mengambil semua tanah-tanah yang dipunyai oleh orang-orang asing, mungkin dengan membayar sagu hati untuk membahagi-bahagikan kepada rakyat negara ini yang mana mereka tidak mempunyai tanah. Seruan supaya Kerajaan mengambil balik semua tanah-tanah yang dipunyai oleh

orang-orang asing akan menimbulkan banyak implikasi sekiranya seruan ini diambil tindakan dengan begitu sahaja. Seruan ini adalah merupakan soal dasar yang perlu diselidiki dengan cermat dan sedalam-dalamnya dari semua aspek sebelum Kerajaan mengambil sebarang keputusan. Buat sementara ini Kerajaan belum lagi ada rancangan hendak mengambil tanah-tanah orang-orang asing seperti itu untuk dibahagi-bahagikan kepada rakyat. Walau bagaimanapun, kajian yang mendalam adalah menjadi tanggungjawab pihak Kementerian ini untuk mengkaji dari segenap sudut, terutamanya implikasi yang mungkin timbul daripada langkah yang sedemikian.

4.20 ptg.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan ini beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang berucap telah menyentuh tentang keadaan kampung-kampung baru. Setengah dari tuduhan-tuduhan itu nyata sekali tidak adil dan berniat jahat. Misalnya, dalam jadual 4-6 dan 4-5, Kerajaan bertanggungjawab mencarikan 10,000 pekerjaan setahun untuk kaum Bukan Bumiputra di dalam Sektor pertanian. Nyatalah bahawa bilangan ini termasuk mereka dari kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Perdana Menteri, kita semua adalah bertanggungjawab terhadap cabaran bagi mengujudkan masyarakat Malaysia baru yang seimbang antara kaum. Kita semua bertanggungjawab membaiki kehidupan semua rakyat Malaysia di tahun-tahun yang akan datang. Kejayaan Rancangan ini bergantung kepada kejujuran dan kerjasama dari semua pihak—samada mereka ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin masyarakat, mereka yang merancang ataupun yang melaksanakannya. Oleh itu, marilah kita gantikan perasaan takut dan curiga sesama kita dengan perasaan percaya-mempercayai sesama sendiri. Jika boleh saya katakan, keadaannya adalah diibaratkan seperti sebuah okestra. Perdana Menteri ialah kondakternya dan kita semua adalah ahli-ahli okestra itu. Supaya okestra itu berjaya, kita semua mestilah memainkan peranan kita dengan merdu dan serentak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bandar Melaka telah mendakwa bahawa dengan desakan dari partinya, iaitu D.A.P., Kerajaan telah menubuhkan Kementerian Kampung-kampung Baru. Tujuannya tidak asing iaitu untuk menarik perhatian khasnya penduduk-penduduk kampung baru bahawa D.A.P. pembela nasib mereka. Ini adalah satu taktik politik D.A.P. yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menubuhkan sesuatu Kementerian atau memberi sesuatu tugas kepada seseorang Menteri dengan sebab desakan dari mana-mana pihak. Penyelarasan kemajuan di kampung-kampung baru yang pada mulanya ditanggungkan kepada Menteri dengan Tugas-tugas Khas dan sekarang menjadi satu daripada tanggungjawab Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru adalah satu tugas yang ditentukan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar, Kerajaan sedar, dan M.C.A. juga sedar, bahawa kemajuan di kampung-kampung baru perlu diselaraskan.

Ahli Yang Berhormat itu menuduh bahawa penduduk-penduduk kampung baru tiada mendapat apa-apa faedah seumpama mendapat tanah, rumah, pekerjaan dan lain-lain dan seterusnya mendakwa bahawa ahli-ahli politik M.C.A. sahaja yang mendapat faedah dari keadaan buruk di kampung-kampung baru, iaitu mendapat satu lagi jawatan Menteri bagi Parti M.C.A. Ahli Yang Berhormat itu pula menggesa supaya Kerajaan Perikatan tidak lagi menggunakan masaalah-masaalah kampung baru sebagai gelanggang politik.

Tuan Yang di-Pertua, dari ucapan-ucapan dan pertanyaan-pertanyaan di beberapa persidangan Dewan ini sebaliknya adalah benar, iaitu D.A.P. yang menggunakan kampung-kampung baru sebagai gelanggang politik mereka.

Tuduhan Ahli Yang Berhormat kawasan Bandar Melaka yang mengatakan bahawa Kementerian saya tidak mempunyai peruntukan dan penduduk-penduduk kampung tidak mendapat apa-apa faedah, iaitu faedah dari rancangan-rancangan pembangunan adalah tuduhan-tuduhan bukan sahaja menggelirukan, tetapi juga menunjukkan bahawa D.A.P. menjadikan kampung baru sebagai gelanggang politik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Kerajaan melancarkan Rancangan Pembangunan yang dimulai dengan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Pertama banyak juga projek yang memberi faedah kepada penduduk-penduduk kampung baru—ada yang mendapat bekalan air dan letrik, kemudahan-kemudahan perhubungan seperti talipon awam dan perkhidmatan pos, rumah murah, kemudahan-kemudahan kesihatan, pelajaran dan lain-lain.

Sebagai contoh saya suka menyatakan di sini bahawa hingga sekarang dari jumlah lebih kurang 420 buah kampung baru hanya 71 sahaja yang belum ada bekalan air paip dan 87 yang tiada bekalan letrik.

Berhubung dengan kemudahan perhubungan, banyak kampung-kampung baru yang mempunyai talipon awam, kebanyakan kampung baru ada perkhidmatan menyampaikan surat dari rumah ke rumah, ada pula yang mempunyai Wakil Pos dan banyak pula yang dilawati oleh Pos Bergerak.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Kerajaan memberi perhatian yang lebih kepada kampung-kampung baru. Peruntukan \$10 juta diadakan untuk membantu Kerajaan Negeri melaksanakan berbagai projek perlu dengan tujuan memperbaiki keadaan kampung-kampung baru. Pelaksanaan dimulakan dalam tahun ini.

Wajar pula diambil perhatian iaitu di bawah Rancangan Malaysia Kedua 21 rancangan rumah murah telah diluluskan di kampung-kampung baru atau kawasan-kawasan yang berhampiran. Rancangan-rancangan ini mengandungi 1,436 unit dengan perbelanjaan lebih kurang \$7.3 juta. Bila dilaksanakan sebahagian daripada penduduk-penduduk kampung baru yang berkenaan akan mendapat rumah kediaman.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua juga Kerajaan berusaha menggalakkan penubuhan perusahaan-perusahaan kecil di kawasan luar bandar termasuk kampung-kampung baru yang mempunyai "potentialities". Sehingga akhir tahun 1969, 2,471 perusahaan telah ditubuhkan di kampung-kampung baru atau di kawasan-kawasan yang berhampiran. Perusahaan-perusahaan berkenaan tidak syak lagi memberi peluang pekerjaan kepada sebahagian daripada penduduk-penduduk kampung baru yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dalam ucapannya menuduh bahawa penduduk-penduduk kampung baru tidak sedikit pun mendapat faedah dari rancangan-rancangan pembangunan yang telah dijayakan oleh Kerajaan dan dengan penjelasan ringkas yang saya telah berikan tadi ahli-ahli Dewan ini dan pihak awam dapat mengambil kesimpulan bahawa D.A.P. tidak memberi gambaran yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, penyelesaian berbagai masalah di kalangan rakyat dari semua gulungan dan memenuhi kehendak mereka seberapa boleh ialah hasrat Kerajaan, dan pelaksanaan projek-projek pembangunan ialah untuk semua gulungan dan Kerajaan akan terus berusaha seberapa boleh untuk memperbaiki keadaan kampung-kampung baru sebagaimana juga lain-lain kawasan kediaman.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu berkata bahawa penduduk-penduduk kampung baru adalah satu gulungan rakyat yang terbiar dan dilupakan (neglected and forgotten). Dari keterangan yang telah saya berikan tadi bahawa penduduk kampung baru telah juga mendapat faedah dari pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan serta berbagai kemudahan yang telah diberi oleh Kerajaan nyatalah bahawa mereka tidak terbiar dan tidak dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya suka menegaskan di sini bukan sahaja kemiskinan terdapat di kampung-kampung baru, tetapi di kampung-kampung biasa dan di lain-lain kawasan-kawasan kediaman juga. Umumnya, adalah diperhatikan bahawa keadaan di kampung-kampung Baru boleh dibaiki lagi dan saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya sedang bertindak untuk memperbaiki keadaan itu.

Seperkara lagi yang patut diambil ingatan ialah sebagaimana yang telah saya sebutkan sebentar tadi, peruntukan ini hanya untuk bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek-projek kecil yang tidak menjadi tanggungjawab mana-mana Kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab secara langsung tidak mampu memberi peruntukan yang lebih; tidak termasuk projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan dan

Kerajaan-kerajaan Negeri seumpama kemudahan-kemudahan pelajaran, kesihatan, bekalan elektrik, air, perumahan, perindustrian dan lain-lain yang dilaksanakan dari semasa ke semasa yang ada juga di antaranya memberi faedah kepada penduduk-penduduk kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya merayu kepada ahli-ahli Pembangkang supaya bersikap adil bila mengkritik; kerana sikap adil dari sesebuah parti politik akan menerima balasan adil juga dari pihak yang lain dan dalam negara Malaysia yang berbilang kaum ini, sikap begitu dari satu-satu kaum akan mendatangkan balasan yang sama dari kaum yang lain.

4.34 ptg.

Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini mengulas secara ringkas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan perkara-perkara, masalah-masalah yang menyentuh Kementerian saya, iaitu Kementerian Pertahanan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, pendapat, syor-syor dan segala pandangan, pendapat-pendapat dan teguran-teguran itu kalau tidak dijawab di sini akan saya ambil ingatan.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara dalam ucapannya telah mencadangkan supaya angkatan tentera diperbesarkan dan supaya wang peruntukan bagi Kementerian ini diperbesarkan dan dipertambahkan. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini sebagaimana yang akan dijelaskan oleh saya pada masa membentangkan Anggaran Belanjawan Tahun 1974 ini adalah satu anggaran belanjawan yang terbesar yang menelan belanja yang sungguh banyak. Sungguh banyak dalam erti kata bahawa perbelanjaan yang tidak kurang daripada \$746 juta akan dibelanjakan untuk Kementerian ini dan ini pada pendapat saya adalah satu perbelanjaan yang besar memandangkan kecilnya negara kita dan kurangnya bilangan penduduk-penduduk di dalam negara ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah memberi jaminan bahawa perlu sebagaimana juga yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu kita

mengadakan perbelanjaan yang mencukupi untuk menjamin adanya satu angkatan tentera yang kemas. Kemas dari segi latihan, kemas dari segi alatan-alatan supaya kita dapat menjamin bahawa segala yang telah kita bina di bidang pembangunan tidak akan dirosakkan oleh mana-mana anasir yang mahu memusnahkan segala yang telah kita bina selama ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membuat cadangan supaya Askar Wataniah dan Pasukan Pertahanan Tempatan diserapkan menjadi sebahagian daripada Angkatan Tetap (Regular Force). Atas perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menegaskan bahawa Kementerian saya sedang sentiasa mengkaji kedudukan negara dari segi ancaman-ancaman yang kita hadapi pada masa ini dan juga pada masa yang akan datang dan Angkatan Tentera kita sedang diperbesarkan dan diperkuatkan dari masa ke masa dengan tujuan menghadapi ancaman-ancaman ini. Anggota-anggota pasukan sukarela seperti Askar Wataniah dan Pasukan Pertahanan Tempatan juga telah dikerah untuk menjalankan tugas-tugas sepenuh masa bagi membantu Angkatan Tentera Tetap di mana perlu. Apabila ahli-ahli Anggota Angkatan Wataniah dan Pasukan Pertahanan Tempatan diserapkan dalam Pasukan Tetap (Regular Force), maka kedudukan mereka dari segi pendapatan gaji, elaun dan sebagainya adalah serupa dengan kedudukan ahli-ahli Angkatan Pasukan Tentera kita yang tetap.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat mungkin sudah sedia maklum terdapat di dalam angkatan tentera kita hari ini ada 3 batalion yang terdiri daripada anggota-anggota pasukan sukarela yang telah dikerah untuk berkhidmat sepenuh masa. Kementerian saya juga sedang mengambil tindakan untuk menyerapkan Pegawai-pegawai dan Jurulatih-jurulatih Tetap Askar Wataniah dan Pasukan Pertahanan Tempatan ke dalam Angkatan Tentera Tetap.

Selain daripada ini, Kementerian saya pada masa sekarang juga sedang menyediakan satu rancangan untuk memberi latihan yang lebih banyak dan tegas dan cukup kepada Sukarelawan dan Sukarelawati pasukan-pasukan Sukarela untuk menentukan bahawa mereka ini akan mendapat

taraf disiplin latihan dan kebolehan yang lebih tinggi lagi dan akan dapat memainkan peranan yang diharapkan daripada mereka dalam masa kecemasan dengan lebih memuaskan.

Kementerian saya, walaubagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, tidak bercadang menyerapkan ke semua sukarelawan dan sukarelawati ke dalam Angkatan Tentera Tetap, kerana ini akan bermakna bahawa kita akan mempunyai satu Angkatan Tentera (Standing Army) yang agak besar dan perbelanjaan bagi menyelenggarakannya pun akan berlipat-ganda. Perlulah juga kita ingatkan bahawa kebanyakan mereka ini, jika tidak ke semua yang menjadi ahli-ahli askar di dalam Pasukan Wataniah ataupun Pasukan Pertahanan Tempatan adalah mempunyai pekerjaan-pekerjaan awam masing-masing.

Ahli Yang Berhormat tersebut juga telah mencadangkan supaya urusan pembelian peralatan bagi Angkatan Tentera hendaklah dijalankan oleh sebuah Jawatankuasa yang terdiri dari pakar-pakar pertahanan, pegawai-pegawai Perbendaharaan dan Wakil Jabatan-jabatan Kerajaan lain, terus-menerus dengan Kerajaan-kerajaan di luar Negeri dan tidak melalui ajensi-ajensi. Atas perkara ini sukalah saya menerangkan bahawa memang sudah menjadi dasar Kementerian saya untuk membeli peralatan bagi Angkatan Tentera di mana dapat terus daripada pengeluarannya (manufactures). Pada hal Kementerian saya pernah membeli beberapa jenis alat terus dari pengeluar-pengeluar alat-alat itu dengan tidak melalui ajensi-ajensi. Walau bagaimanapun bukan semua peralatan-peralatan pertahanan yang dikeluarkan di negara-negara asing dikeluarkan oleh kilang-kilang yang dikelolakan oleh Kerajaan-kerajaan itu. Pengeluar-pengeluar peralatan pertahanan, khususnya di negara Barat, yang bukan bercorak sosialis, adalah dijalankan oleh firma-firma (Private enterprise) dan kebanyakan firma-firma ini mempunyai ajensi-ajensi tempatan mereka. Ajensi-ajensi tempatan ini juga adalah bertanggungjawab memajukan (promote) alat-alat yang dikeluarkan oleh mereka itu dan firma-firma ini lebih suka kami melalui ajensi-ajensi tempatan itu dalam membeli peralatan-peralatan mereka.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menegaskan bahawa pada masa sekarang pun sebelum satu-satu alat pertahanan diberi kajian bukan sahaja daripada segi perbelanjaan (cost) dilakukan tetapi juga dari segi sesuainya peralatan itu bagi keperluan kita. Kajian-kajian ini adalah dijalankan oleh pakar-pakar pertahanan kita dan juga oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Tawaran di mana ada wakil-wakil daripada Kementerian Pertahanan, wakil-wakil daripada Perbendaharaan dan kadangkala apabila didapati perlu wakil-wakil juga daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kajian ini adalah dijalankan dengan serious dan minat, terutamanya apabila membeli alatan-alatan yang belum digunakan di negara kita ini ataupun di rantau ini, apabila peralatan-peralatan itu dibeli dan digunakan beberapa lama didapati terjadi kekurangan dari segi teknik ataupun dari segi alatan oleh sebab berlainan keadaan iklim dan cuaca di antara negara ini dengan negara-negara di mana perkakas-perkakas seperti kereta perisai yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dibuat. Kekurangan ini biasanya dapat diatasi dengan cara-cara menggantikan kekurangan-kekurangan itu dengan alatganti yang lebih sesuai untuk negara ini. Penggantian biasanya dibuat di kilang pengeluar itu ataupun di sini oleh firma-firma tempatan dengan bantuan pakar-pakar dari pihak pengeluar dan perbelanjaan baginya adalah dibiayai oleh pengeluar-pengeluarannya sendiri.

Kementerian saya dengan bantuan pengeluar-pengeluar sedang pada masa ini membuat penggantian yang perlu kepada bahagian-bahagian kereta perisai yang kita telah beli untuk mensesuaikannya bagi penggunaan di negara kita ini. Masalah ini adalah satu masalah yang berupa, pada pendapat saya, minor ataupun kecil sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka, dari Seremban Timur dan dari Bagan telah mencadangkan supaya lebih ramai lagi orang-orang bukan bumiputra diambil untuk berkhidmat di dalam angkatan tentera kita. Sukalah saya menegaskan seperti yang pernah dan selalu diterangkan dahulu bahawa memang menjadi dasar Kerajaan untuk memberi peluang kepada semua rakyat Malaysia tidak kira kaum untuk berkhidmat dalam Angkatan

Tentera kita. Walau bagaimanapun sambutan yang diterima daripada orang-orang yang bukan bumiputra adalah sebagaimana juga yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak begitu memuaskan.

Sekianlah penerangan saya bagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

4.47 ptg.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian saya di sepanjang perbahasan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua ini dan ingin memberi beberapa penjelasan terhadap hujah-hujah yang telah dikemukakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah telah berkata bahawa tujuan asal menubuhkan FAMA ialah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bagi hasil-hasil pertanian dan oleh yang demikian, beliau berpendapat FAMA patutlah menumpukan perhatian kepada tugas ini sahaja di dalam masa Rancangan Malaysia Kedua, dan tidak pula mengambil bahagian di dalam menjalankan perusahaan-perusahaan. Ahli Yang Berhormat itu juga berpendapat bahawa kekurangan saluran-saluran pasaran untuk memberi harga yang berpatutan juga menghalang petani-petani di kawasan-kawasan luar bandar daripada menjalankan pertanian dengan secara besar-besaran.

Saya suka menegaskan bahasa tujuan utama rancangan FAMA untuk memperbaiki sistem pemasaran hasil-hasil pertanian di negara ini adalah menentukan semua hasil-hasil pengeluaran petani-petani dapat pasaran yang memuaskan dan juga mendapat harga yang berpatutan untuk menggalakkan mereka menambahkan lagi pengeluaran mereka. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai tujuan ini ialah:

- (i) Mengawal kegiatan pembeli-pembeli hasil-hasil pertanian melalui perlesenan untuk menentukan petani-petani dapat layanan yang adil dari usaha mereka;

- (ii) Penyertaan FAMA secara terus menerus di dalam perniagaan membeli dan menjual hasil-hasil pertanian untuk menambahkan luang-luang pasaran bagi hasil-hasil pertanian petani-petani;

- (iii) Mengadakan kemudahan-kemudahan pemasaran termasuk kemudahan-kemudahan memproses hasil-hasil pertanian untuk menambahkan kecekapan sistem pemasaran dan menambahkan permintaan terhadap hasil-hasil pertanian dan meluaskan pasaran baginya.

Penyertaan FAMA di dalam perniagaan menjual-beli hasil-hasil pertanian akan menjamin pasaran untuk hasil-hasil pengeluaran petani-petani di luar bandar dan dengan demikian akan menggalakkan mereka menanam dengan secara besar-besaran dan menambahkan lagi hasil pengeluaran mereka. Penubuhan kemudahan-kemudahan memproses pula akan meluaskan pasaran untuk hasil-hasil pengeluaran mereka. Ini juga akan membantu dan menambahkan kesan langkah-langkah lain yang diambil oleh FAMA untuk memperbaiki sistem pemasaran hasil-hasil pertanian, seperti rancangan-rancangan perlesenan, perniagaan menjual-beli, kutipan dan sebaran maklumat-maklumat pasaran dan memajukan pasaran. (market promotion).

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa FAMA tidaklah berganjak daripada tujuan asalnya untuk memperbaiki dan menjamin pasaran bagi hasil-hasil pertanian di luar bandar. Penyertaan FAMA di dalam perniagaan jual-beli dan memproses hasil-hasil pertanian ini ialah semata-mata bagi mencapai tujuan-tujuan yang ditetapkan.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa FAMA telah diberi tugas-tugas dan tanggungjawab yang bertambah berikutan dengan pindaan yang dilakukan ke atas Akta FAMA 1965 itu. Dengan adanya pindaan tersebut maka dapatlah FAMA berkhidmat dengan lebih tegas dan berkesan di dalam rancangan-rancangan kemajuan pertanian di negara ini. FAMA telah menyusun rancangan-rancangan pemasarannya meliputi berbagai-bagai jenis tanaman di negara ini. Rancangan-rancangan ini sedang dan akan dilaksanakan dengan pesatnya.

Di bidang pemasaran kelapa FAMA sedang melaksanakan pusat-pusat memproses

kelapa, di Sabak Bernam, Hilir Perak dan juga di Batu Pahat. Penubuhan pusat-pusat demikian akan ditambah dalam tahun hadapan dan tahun 1975 di kawasan-kawasan yang diperlukan. Untuk melaksanakan projek-projeknya, FAMA telah menubuhkan pejabat-pejabat di semua Negeri kecuali Negeri Sabah. Selain daripada Pejabat-pejabat Negeri FAMA juga telah dan akan menubuhkan pejabat di daerah-daerah yang difikirkan perlu.

Pada masa ini pejabat-pejabat demikian telahpun ditubuhkan di Kuala Kangsar, Teluk Anson, Selekoh, Bagan Datoh, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Rengit, Temerloh, Raub dan Pasir Putih. Tahun hadapan dua lagi akan ditubuhkan iaitu di Rompin dan Cameron Highlands. Dengan adanya pejabat-pejabat ini nanti maka dapatlah FAMA berdamping dengan lebih erat lagi dengan petani-petani dan peladang-peladang di negara ini. Saya juga berharap petani-petani sentiasa berhubung rapat dengan FAMA atau lain-lain agensi Kerajaan supaya dapat kita cuba memberi dan membantu masaalah pemasaran itu. Hubungan erat di antara petani-petani ini amatlah perlu memandangkan kepada dasar Kerajaan sekarang untuk menggalakkan petani-petani mempelbagai dan memperdagangkan pertanian.

Mengenai masaalah pemeliharaan ikan air tawar dan laut yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, saya ingin menyatakan bahawa usaha-usaha penyelidikan ke atas berbagai jenis ikan telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian saya termasuk udang dan ketam. Berjuta-juta anak ikan telah dan akan dilepaskan di kolam-kolam taliair dan lombong serta sungai-sungai. Usaha-usaha sedang diambil untuk memperhebatkan perusahaan pemeliharaan udang galah mulai daripada tahun ini dan juga pada tahun hadapan.

Pemeliharaan ikan-ikan laut terutama sekali Ketam agak susah sedikit. Namun demikian penyelidikan sedang dijalankan terhadap beberapa jenis ikan iaitu, ikan belanak dan bandeng, manakala ternakan ikan kerapu telahpun diusahakan. Kementerian saya berharap ikan-ikan ini akan dapat dipelihara di masa-masa ke hadapan ini. Saya suka menyatakan bahawa pemeliharaan ikan laut di Taiwan sebagai-

mana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah secara besar-besaran melainkan dua jenis iaitu ikan bandeng dan belanak sahaja.

4.54 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian saya dalam pembahasan mengenai Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Datuk Kramat, Bandar Melaka dan Sitiawan telah menyentuh tentang Kebudayaan Kebangsaan. Berhubung dengan perkara ini, saya ingin menjelaskan bahawa konsep Kebudayaan Kebangsaan Malaysia adalah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Konsep ini tidaklah lahir dari kekosongan sejarah, tetapi adalah lahir dari pernyataan sejarah Asia Tenggara dan tanah air kita sendiri. Sejak beribu-ribu tahun, rantau ini telah mempunyai identitinya sendiri dalam kebudayaan, berlainan daripada yang terdapat samada di India atau di Negeri Cina atau di Eropah, atau di Asia Barat meskipun kebudayaan-kebudayaan itu memang mempengaruhi pertumbuhan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Dasar mengenainya sudah cukup jelas diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri. Untuk mengulang sekali lagi, maka sukalah saya menegaskan bahawa Kebudayaan Kebangsaan Malaysia adalah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini, yakni berteraskan kebudayaan yang tumbuh, berkembang dan diwarisi oleh rakyat asal sendiri, dan tidak yang "di-transplant" dari luar samada dahulu kala, apa lagi dalam masa seratus dua ratus tahun kebelakangan ini. Tetapi ini tidaklah pula bererti adanya paksaan atau larangan kepada mana-mana pihak pun untuk mengamalkan kebudayaan puak mereka sendiri sesuai dengan Perlembagaan negara kita. Kebudayaan-kebudayaan tersebut ini adalah berupa kebudayaan-kebudayaan puak-puak itu sendiri. Jikalau dari kebudayaan puak-puak itu terdapat unsur-unsur yang sesuai dengan kebudayaan rakyat asal rantau ini, yang tidak menenggelamkan identiti kemalaysiaian maka unsur-unsur itu bolehlah

diterima, atau diserap ke dalam Kebudayaan Kebangsaan Malaysia seperti yang sesungguhnya telah berlaku selama ini. Dengan kenyataan ini, saya berharap semua pihak akan faham dengan jelas akan kedudukan perkara Kebudayaan Kebangsaan Malaysia kita dan kedudukan kebudayaan-kebudayaan puak-puak lainnya. Dan marilah kita bersama-sama membina perpaduan dan identiti kebangsaan kita, antara lain-lain, melalui Kebudayaan Kebangsaan Malaysia kita, sebagaimana kedudukan Bahasa Malaysia kita yang menjadi bahasa rasmi dan kebangsaan yang tunggal di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baru telah membangkitkan soal keanggotaan Majlis Perundingan Belia Negara, dan di sini suka-lah saya menerangkan iaitu ahli-ahli Perundingan Majlis Belia Negara itu dipilih dengan dua cara. Yang pertama ialah dengan cara pemilihan yang dibuat oleh Majlis Belia Malaysia dan yang kedua ialah dengan cara lantikan yang dibuat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pilihan yang dibuat oleh Majlis Belia Malaysia adalah berdasar kepada calon-calon yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan di dalam Konvensyen Belia yang diadakan dua tahun sekali. Dalam Konvensyen yang lepas seorang calon Cina telah dikemukakan oleh Pertubuhan Brigade Putra tetapi beliau telah kalah apabila diundi. Cara pemilihan ini adalah dijalankan secara demokrasi dan terpulanglah kepada pertubuhan-pertubuhan itu sendiri untuk mengemukakan calon-calon yang difikirkan layak untuk mewakili mereka dan orang yang dipilih itu mestilah mendapat sokongan ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli yang dilantik oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan dari Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan, dari sektor swasta dan orang-orang perseorangan yang difikir layak untuk memberi sumbangan dan menyuarakan hasrat dan cita-cita belia. Ahli-ahli yang dilantik oleh Menteri berjumlah 18 orang dan dari jumlah ini 4 orang daripadanya terdiri daripada orang-orang Cina dan India. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengambil langkah untuk

menambahkan orang-orang bukan Melayu sebagai ahli yang dilantik oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih penting lagi ialah membanyakkan belia-belia bukan Melayu, terutama sekali belia-belia Cina, untuk campur bergerak dalam kegiatan-kegiatan belia di merata-rata pelusuk bandar dan kampung di negara ini. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah bersama-sama menarik dan menggalakkan belia-belia bukan Melayu supaya campur bergerak dalam kegiatan-kegiatan belia di mana-mana jua pun.

Untuk makluman, Pegawai-pegawai Kementerian saya adalah sentiasa memikirkan dan mengikhtiarkan dengan berbagai-bagai cara untuk menarik lebih ramai lagi belia-belia bukan Melayu itu supaya bergerak dalam kegiatan-kegiatan belia. Saya telahpun mengarahkan supaya ditolong dan digalakkan penubuhan badan-badan dan kegiatan-kegiatan belia di sekitar kawasan kampung-kampung baru (New Villages).

Berhubung dengan teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kluang Utara, Baling, Seberang Selatan dan Sitiawan, saya ingin memberi sedikit penjelasan tentang langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini yang khususnya berhubung dengan kebajikan belia-belia di negeri ini.

Kementerian saya memanglah menyedari masalah pengangguran adalah satu masalah mesti diatasi. Satu daripadanya ialah untuk menggalakkan belia-belia bekarja sendiri dan usaha dalam perkara ini sedang diperhebatkan melalui kegiatan Biro Bimbingan Belia dalam Bahagian Belia di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang memainkan peranan utama bagi menyelaraskan permohonan dan pemberian bantuan kepada belia-belia dalam bidang ini. Sementara itu kursus-kursus mengenai perniagaan untuk menggalakkan belia-belia bekerja sendiri dalam bidang yang mereka fikirkan sesuai dan mampu dijalankan. Latihan seperti ini bukanlah terhad kepada belia-belia di luar bandar sahaja tetapi juga belia-belia di bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi usaha yang dijalankan oleh Kementerian ialah untuk memperdagangkan kemahiran-kemahiran desa supaya dengan usaha ini punca pendapatan dan peluang pekerjaan akan bertambah untuk belia-belia di kawasan-kawasan luar bandar. Usaha ini baru sahaja dijalankan oleh

Kementerian ini dan kemajuannya belum sesuai dinilai lagi.

Usaha pembukaan rancangan tanah-tanah untuk belia-belie sebenarnya adalah merupakan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Tanggungjawab Kementerian ialah untuk memberi latihan yang sesuai pada belia-belie yang telah dipilih oleh pihak penganjur rancangan-rancangan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menyentuh tentang kemudahan-kemudahan belajar bagi belia-belie di kampung-kampung. Berhubung dengan usaha untuk memberi kesempatan kepada belia-belie di luar bandar dalam bidang pelajaran khususnya dalam mendapat bimbingan untuk menghadapi masalah yang berhubung dengan pelajaran mereka pihak Kerajaan telah mengeluarkan banyak bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan belia dengan mengadakan kelas-kelas bimbingan untuk mereka itu, misalnya Gabungan Pelajar-pelajar Semenanjung yang sudah sememangnya terkenal dengan usaha-usaha mengadakan kelas-kelas bimbingannya. Selain daripada itu bantuan-bantuan juga telah dikeluarkan kepada badan-badan lain yang difikirkan berkemampuan dan berkecayaan menjalankan usaha-usaha yang sama seperti ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyakinkan semua Ahli-ahli Dewan ini bahawa dalam apa usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini untuk pembangunan belia di negara kita ini, objektif perpaduan antara kaum adalah satu perkara yang diberikan perhatian berat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.05 ptg.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mendatangkan pandangan-pandangan mengenai pelajaran dalam masa membahaskan usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selama lima hari yang sudah. Saya tidak bercadang hendak menjawab semua pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang telah dikemukakan itu, tetapi hanya menyentuh beberapa perkara sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak, di antara lain, telah mengesyorkan supaya

sebuah agensi ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan Bahasa Malaysia di Yayasan-yayasan Pelajaran Tinggi. Saya berpendapat bahawa sebuah agensi seperti yang disyorkan itu tidak perlu kerana universiti-universiti sudahpun mengadakan rancangan-rancangan mereka sendiri berkenaan dengan masalah ini dan saya percaya mereka berupaya untuk melaksanakannya dengan teratur.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengesyorkan supaya sebuah Majlis Penyelarasan Pelajaran Tinggi ditubuhkan untuk menentukan supaya pelajaran tinggi, terutama peringkat universiti, berkembang dengan teratur. Sebenarnya sebuah Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi sudahpun ditubuhkan pada bulan September, 1972, dan ahli-ahlinya terdiri daripada mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam masalah pelajaran tinggi.

Bidang tugas Majlis ini ialah untuk menasihatkan Menteri Pelajaran mengenai perkembangan universiti-universiti yang sedia ada, peraturan-peraturan serta perkembangan universiti-universiti baru, dan perkara-perkara lain yang dirujuk oleh Majlis Pelajaran kepadanya.

Berkenaan dengan kekurangan tenaga manusia untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua, Ahli Yang Berhormat itu telah mengesyorkan supaya dua langkah diambil. Pertama, menggunakan tenaga-tenaga manusia terlatih yang ada, dan kedua diperbanyakkan kemudahan-kemudahan latihan dan pihak swasta hendaklah membantu Kerajaan dalam usaha ini. Berkenaan dengan menggunakan tenaga manusia terlatih yang ada, Ahli Yang Berhormat itu telah mengesyorkan supaya Kerajaan menggunakan mereka yang mempunyai kelulusan-kelulusan yang tidak diiktirafkan oleh Kerajaan. Pendirian Kerajaan berkenaan dengan kelulusan-kelulusan itu adalah jelas, iaitu sungguhpun Kerajaan tidak mengiktirafnya, tetapi kelulusan-kelulusan itu adalah diberi nilai. Berkenaan dengan syor supaya pihak swasta membantu Kerajaan dalam usahanya untuk memperbanyakkan kemudahan-kemudahan latihan Kementerian Pelajaran memang menggalakkan pihak swasta memberi sumbangan kepada institusi-institusi yang sedia ada sekarang atau yang akan diadakan oleh Kerajaan seperti memberi biasiswa alat-alat kelengkapan dan sebagainya seperti mana yang dilakukan oleh agensi-agensi serta

yayasan-yayasan antarabangsa dan tempatan dan beberapa buah firma, atau syarikat-syarikat. Sumbangan-sumbangan seperti ini akan dapat mengurangkan bebanan Kerajaan dan dengan ini juga dapat diperbanyakkan lagi kemudahan-kemudahan latihan.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah menyentuh tentang kanak-kanak yang patut bersekolah tetapi tak bersekolah, dan mengesyorkan supaya satu kajian dapat dibuat mengenai masalah ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, satu kajian telahpun dibuat oleh sebuah Jawatankuasa mengenai keciciran ini dan laporannya telahpun dihebahkan kepada orangramai. Kerajaan telah juga menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pegawai-pegawai untuk mengkaji syor-syor yang diterima dapat dilaksanakan. Adalah dijangkakan bahawa Jawatankuasa Pegawai-pegawai tersebut akan menyelesaikan tugasnya kira-kira pada pertengahan bulan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor serta juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh soal sekolah-sekolah di luarbandar yang tidak begitu sempurna dari segi bangunan, alat-alatan serta juga guru-guru. Keadaan ini diketahui umum dan adalah menjadi hasrat Kementerian saya untuk membaikinya. Dengan hasrat inilah maka peruntukan yang besar akan dibuat bagi pelajaran rendah dan menengah di luarbandar. Berkenaan dengan guru-guru, selain daripada melatih lebih ramai lagi guru-guru Kementerian saya akan melaksanakan sistem pertukaran yang sesuai untuk menentukan supaya sekolah-sekolah di luarbandar mendapat lebih ramai lagi guru-guru yang terlatih dan berpengalaman.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar Utara telah bertanya samada Kementerian Pelajaran ada rancangan untuk melatih guru-guru mengajar Bahasa Malaysia untuk membaiki mutu pengajaran guru-guru itu. Kementerian saya adalah sentiasa berusaha untuk membaiki mutu pengajaran guru-guru termasuklah mutu pengajaran guru-guru Bahasa Malaysia.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh masalah perlantikan guru-guru ke dalam Perkhidmatan Pelajaran. Mengikut Ahli Yang Berhormat itu, ramai bilangan guru-guru lulusan universiti masih lagi bertugas secara "attachment" dan belum dilantik sebagai pegawai tetap dalam Per-

khidmatan Pelajaran oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Berkenaan dengan perkara ini, saya difahamkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bahawa urusan temuduga sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat dan urusan ini bukan sahaja meliputi guru-guru dalam kategori-kategori lain. Pada masa ini perlantikan ke dalam Perkhidmatan Pelajaran adalah dikelolakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan memandangkan bahawa Suruhanjaya itu juga mengelolakan perlantikan ke dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Awam yang lain, maka kelewatan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun dengan tertubuhnya Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran pada tahun hadapan, saya percaya kelewatan ini dapat diatasi.

Berkenaan dengan Pelajaran Ugama Islam, pelajaran ini adalah wajib bagi murid-murid Islam di sekolah-sekolah. Berhubung dengan sukatan pelajarannya, langkah-langkah sudah diambil untuk membaikinya dan setelah diluluskan oleh Majlis Raja-raja Melayu ianya akan dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis telah melahirkan perasaan hampanya kerana tidak ada rancangan hendak menubuhkan sebuah Kolej Pertanian di Sarawak. Berkenaan dengan perkara ini, Lembaga Pengurus Universiti Pertanian sedang giat mengusahakan penubuhan Cawangan Kampus Universiti Kebangsaan di Negeri itu.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak atas kata-kata penghargaannya terhadap sumbangan-sumbangan Kerajaan Pusat dalam bidang pelajaran di negeri Sarawak. Dalam pada itu Yang Amat Berhormat itu ada juga menekankan tentang mustahakannya isi kandungan pelajaran dikaji supaya pelajar-pelajar kita tidak sentiasa tertarik kepada "White Collared Jobs" sahaja. Atas kesedaran inilah Kerajaan telah menubuhkan Sekolah-sekolah Vokesyenal, Sekolah-sekolah Teknikal dan mengadakan mata-mata pelajaran vokesyenal yang lebih luas dalam sekolah-sekolah akademik. Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan Yang Amat Berhormat itu akan diberikan perhatian yang wajar.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah melahirkan harapan bahawa dalam usaha

hendak memperimbangan bilangan pelajar-pelajar di Yayasan-yayasan Pelajaran Tinggi mengikut kaum, janganlah hendaknya timbul pula perasaan kehilangan dan kehampaan di kalangan kaum-kaum bukan bumiputra. Berkenaan dengan perkara ini, saya hanya hendak menarik balik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada apa yang telah dilafazkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu "Kerajaan tidak berhajat hendak menghapuskan keadaan tidak seimbang pada masa lalu itu dengan menimbulkan keadaan baru yang serupa. Sebaliknya, rancangan-rancangan pendidikan kita akan dilaksanakan supaya meluaskan pelajaran bagi semua rakyat Malaysia selaras dengan kedudukan negara kita yang berbilang bangsa".

Sekianlah sahaja yang hendak saya per-katakan. Sekali lagi, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan teguran-teguran mereka.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah memberikan pandangan-pandangan dan kritik-kritik dalam beberapa perkara yang ada kena-mengena dengan perjalanan dan tanggungjawab-tanggungjawab Kementerian saya semasa membincangkan Usul Meluluskan Kajian Semula Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua. Saya tidaklah bercadang untuk menghuraikan satu persatu tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh tiap-tiap Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, tetapi memadailah dengan menyentuh secara keseluruhan perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam beberapa hari yang lepas. Yang Amat Berhormat Datuk Timbalan Perdana Menteri akan menjawab beberapa soal yang lain yang ada hubungan dengan Kementerian saya juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada mengulang beberapa kali di dalam Dewan ini mengenai Syarikat Malaysia Sheetglass Berhad. Saya suka menegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang saham di dalam syarikat tersebut. Tetapi Syarikat Per-

modalan dan Perusahaan Perak (satu syarikat bumiputra) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor masing-masing telah mengambil 10% saham terbayar daripada syarikat itu. Dengan demikian, bolehlah dikatakan penyertaan bumiputra dalam syarikat itu ialah sebanyak 20%. Kedua-dua Perbadanan yang banyak sahamnya ini mempunyai wakil-wakil mereka di dalam Lembaga Pengarah syarikat itu. Untuk makluman selanjutnya selain daripada 20% saham yang dipunyai oleh bumiputra ini sebanyak 31% lagi saham syarikat itu dipunyai oleh rakyat Malaysia dan dengan ini penyertaan bumiputra bersama-sama dengan bukan bumiputra berjumlah 51%.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Star ada menyentuh tentang perusahaan atau projek usaha bersama bagi rakyat Malaysia yang dipelopori oleh Perbadanan Kemajuan Negeri, orang-orang bukan Melayu dan kaum bumiputra dengan firma-firma asing. Pada dasarnya kebanyakan projek perindustrian usaha bersama di dalam negara ini sebahagian besar modal yang dilaburkan ialah dipegang oleh pihak warganegara samada melalui ejensi-ejensi Kerajaan ataupun syarikat-syarikat tempatan. Ejensi-ejensi Kerajaan seperti PERNAS, MARA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri adalah diharapkan dapat mengisi kekurangan penyertaan bumiputra di dalam pelaburan di sektor perindustrian. Kebanyakan projek-projek usaha bersama di mana ejensi-ejensi Kerajaan adalah salah satu dari kongsinya, maka penyertaan bumiputra yang lain tidaklah diperlukan. Sayugia diingatkan bahawa di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila membentangkan Usul Meluluskan Kajian Semula Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua, beliau telah menyatakan dengan tegasnya bahawa matlamat Kerajaan ialah menjelang tahun 1990 kita berharap orang-orang Melayu dan bumiputra yang lain akan memiliki 30% semua modal saham dan rakyat Malaysia yang lain akan memiliki 40%. Jumlah 40% yang diharapkan akan dimiliki oleh rakyat Malaysia bukan bumiputra ini ialah 9 kali lebih daripada yang dimiliki oleh mereka pada masa ini. Peratus pelabur modal luar negeri akan jatuh ke peringkat 30% sahaja mengikut matlamat Dasar Ekonomi Baru. Berhubung dengan rungutan atau kebimbangan Ahli Yang Berhormat dari Alor Star mengenai

peratus penyertaan bukan bumiputra, sayugia diingatkan juga bahawa pada hakikatnya soal yang dihadapi ialah bagaimanakah Kerajaan dapat menarik modal dalam negeri dari kedua-dua pihak bumiputra dan bukan bumiputra. Saya suka menyatakan di sini bahawa selagi rakyat Malaysia sendiri termasuklah bukan bumiputra tidak tampil ke hadapan melaburkan modal dalam sector industry modern selagi itulah peratus modal sebanyak 70% bagi rakyat Malaysia keseluruhannya yang menjadi matlamat Kerajaan tidak dapat dipenuhi. Oleh kerana itulah maka Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) akan menggiatkan lagi usaha menggalak tanaman modal oleh pelabur-pelabur tempatan selain daripada pelabur-pelabur dari luar negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan Kuala Kedah telah membangkitkan soal peruntukan saham-saham kepada bumiputra. Saya ingin menyatakan bahawa semenjak awal tahun 1973 ini kesemua kilang-kilang perusahaan yang diluluskan oleh Kementerian saya adalah dikenakan syarat mengkhususkan 30% daripada saham mereka kepada bumiputra tidak kira samada bertaraf perintis ataupun tidak kecuali beberapa syarikat yang 100% modalnya dipunyai oleh warganegara asing berasaskan kepada beberapa faktor yang tertentu. Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk menyebarkan peluang membeli saham ini kepada semua golongan bumiputra melalui:

- (a) Siaran akhbar-akhbar tempatan;
- (b) Seminar-seminar yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia; dan
- (c) Dailog-dailog yang telah diadakan di mana Kementerian saya telah terlibat.

Di samping itu, Yunit Penyertaan Bumiputra Kementerian saya juga telah menubuhkan satu daftar pelabur bumiputra yang terdiri daripada orang-orang perseorangan, syarikat-syarikat dan institusi-institusi bumiputra untuk membeli saham-saham yang dikhususkan itu. Semua golongan bumiputra adalah dijemput untuk berdaftar di dalam Yunit itu. Dalam pada itu, Kementerian saya memang sedar mengenai kurangnya penyertaan yang ramai daripada golongan pelabur bumiputra dan bukan bumiputra dalam sektor perindustrian seperti yang saya katakan ketika menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Alor Star sebentar tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara menggesa supaya dibanyakkan Atasi Perdagangan di luar negeri. Kementerian sedar tentang betapa perlunya diperbanyakkan lagi Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di seberang laut. Dalam masa 2 tahun yang baru lalu ini, semakin bertambah negara mengadakan hubungan dagang dengan Malaysia dan kesemuanya mahu Malaysia seberapa boleh mengadakan Pejabat Perdagangan di negeri mereka sendiri. Sehingga tahun 1972 kita telah menubuhkan 14 pejabat di seberang laut. Dalam tahun ini (1973) kita telah membuka 2 lagi pejabat iaitu di San Francisco dan di Stockholm. Dalam pada itu kita terus mendapat pertanyaan dan juga kunjungan-kunjungan dari pelawat-pelawat seberang laut termasuk rombongan-rombongan rasmi yang menunjukkan minat supaya kita mengadakan hubungan perdagangan dengan mereka dan menandatangani perjanjian perdagangan. Kejayaan kita dibidang perdagangan antarabangsa bolehlah dibayangkan dari hakikat bahawa perdagangan dua-hala kita pada masa ini sudahpun meningkat menjadi 70% daripada keluaran negara kasar.

Seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor mengenai pembahagian barang-barang oleh bumiputra, Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah yang tegas. Langkah ini telah diuraikan dalam jawapan saya di Dewan ini ketika menjawab soalan yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar Utara pada 27-11-73. Dasar Kerajaan mengenai penyertaan bumiputra dibidang pembahagian ialah supaya mereka dapat mengedarkan sekurang-kurangnya 30% daripada keseluruhan barang-barang yang diedarkan. Matlamat ini diharap dapat dicapai dalam masa 20 tahun. Setakat ini, antara kejayaan yang telah dicapai bagi beberapa barang tertentu ialah seperti berikut:

Gula	10%
Tepung gandum ...	10%
Susu	6%
Batang besi	30%
Simen	4%
Cuka getah	15%
Rokok	3%

Berhubung dengan penyertaan bumiputra dalam semua aspek industri kereta motor,

sebagai satu misalan yang lain, Kementerian telahpun selesai mengkaji semula keseluruhannya dasar bidang ini. Pada saat ini industri kereta motor merupakan industri yang berpotensi untuk bumiputra menyertainya di dalam kedua-dua sektor pembahagian dan pemasangan. Hasil daripada kajian semula ini, pihak Kementerian telah mengemukakan kajian tersebut bersama-sama dengan perakuan-perakuannya untuk tindakan selanjutnya. Tujuan asas kajian semula dan perakuan-perakuan ini ialah supaya satu polisi yang berupa "integrated" dapat dibuat untuk penyertaan bumiputra. Sementara itu, Yunit Penyertaan Bumiputra telahpun ditubuhkan untuk memastikan penyertaan-penyertaan yang berlebih lagi dibidang perdagangan pada amnya. Sayugia diingatkan di sini bahawa syarikat-syarikat bumiputra bolehlah juga mendapat bekalan barang-barang dari beberapa syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang menjadi ejen penjual barang-barang seperti tepung gandum, gula dan barang-barang binaan.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah membangkitkan soal adanya kedai-kedai runcit bumiputra yang tidak diberi bekalan tepung, susu, gula dan lain-lain oleh pemborong. Saya sukalah menyatakan di sini sekiranya kejadian seperti ini benar-benar berlaku, silalah sampaikan maklumat itu kepada Kementerian saya untuk disiasat supaya dapat diambil tindakan yang sewajarnya.

Mengenai perlindungan tarif dan kawalan impot yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu dan dari Muar Utara dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain, pada asasnya perlindungan tarif bertujuan untuk melindungi perusahaan tempatan dari dibanjiri oleh persaingan yang kurang sihat terutamanya impot dari luar negeri, tetapi mestilah diingatkan di sini bahawa perlindungan ini bukanlah satu perkara yang kekal malah ianya dikaji dari masa kesemasa oleh satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Khas Berkenaan Dengan Tarif. Misalnya, dalam keadaan inflasi yang menjadi-jadi dimana harga barang-barang yang diimpot naik dan setanding dengan barang-barang keluaran tempatan, perlonggaran tarif akan melebihi lagi bekalan apa-apa juga barang-barang yang berkenaan. Pengimpotan 60 jenis barang-barang telahpun dikeluarkan daripada sekatan impot pada

16hb Ogos, 1973 dan kadar quota terhadap beberapa barang impot telah jaya dilonggarkan seperti makanan haiwan, dedak, kain-kain dan wire rope. Sayugia diingatkan juga di sini bahawa barang-barang yang dikenakan sekatan impot (quota) demi memperlindungan perusahaan tempatan, hanya berupa 4.6% sahaja dari barang-barang yang diimpot kesemuanya.

Mengenai tuduhan adanya sekatan impot terhadap glass, sebenarnya Kerajaan tidak mengenakan quota impot. Apa yang ada ialah mengenakan syarat mesti mendapat lesen impot.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Besut mengenai tanda harga di semua peringkat, sukacita dimaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah pun mengumumkan pada hari Sabtu, 1 haribulan ini, di upacara meresmikan pembukaan Pamiran Perlindungan Penggunaan-pengguna iaitu Kerajaan bercadang membentangkan satu rang undang-undang pindaan kepada Ordinan Kawalan Harga untuk mewajibkan tanda harga di semua peringkat termasuk peringkat borong dan harga dari kilang.

Ahli Yang Berhormat dari Darvel, Sabah nampaknya menyalahkan Dasar Ekonomi Baru sebagai menyebabkan inflasi. Seperti yang telah diterangkan beberapa kali di dalam Dewan ini, keadaan inflasi adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang kompleks. Ini telahpun diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika menjawab soalan-soalan pada 26-11-73 dan juga semasa membentangkan Usul Meluluskan Kajian Semula Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya.

5.29 *ptg.*

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Menteri Penerangan suka memberi sepatah dua berhubung dengan ucapan Wakil dari Dato Kramat.

Yang Berhormat dari Dato Kramat nampaknya "confused" dengan tugas mass media kerajaan kerana beliau ini agaknya masih lagi berada dalam zaman yang dipanggil "pre historic period".

Dalam pada beliau menyentuh program RTM, maka beliau juga mengaitkan dengan M.I.C. Yang sebenarnya, pihak M.I.C. dan M.C.A. memang mengetahui cita-cita RTM dan Kerajaan serta cara-cara hendak menyatu-padukan rakyat dengan menggunakan mass media kerajaan.

Pihak RTM berkali-kali berunding dengan M.I.C. dalam hal ini dan kami bersependapat program sekarang inilah sebaik-baik formula hendak menyatu-padukan rakyat dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai saluran alat perpaduan kerana Malaysia ini adalah "unique" keadaannya yang tidak terdapat di negara-negara lain.

Beliau nampaknya tidak mengetahui atau sengaja tidak mahu mengetahui kepada hakikat yang sebenarnya bahawa program RTM itu sudah jauh ke hadapan dalam usaha hendak membentuk satu aliran fikiran dan kebudayaan Malaysia. Nampaknya Yang Berhormat itu masih meraba-raba apabila beliau menyentuh program RTM dan kononnya RTM telah menyekat perkembangan talent dan kebudayaan keturunan lain. Cara beliau itu bukan semakin maju ke hadapan tetapi hendak undur ke belakang.

Saya katakan begitu kerana beliau berkehendakkan program RTM berjalan macam landasan keretapi iaitu program Melayu untuk Melayu sahaja; program Cina untuk Cina dan Tamil untuk Tamil. Ini jelas dari ucapannya yang berbunyi:

"Local dramas and plays should be introduced in Malay; Chinese and Tamil"

Beliau lebih "confused" lagi apabila beliau campur-adukkan soal "art" dan "culture" dengan soal bahasa.

Yang Berhormat itu "sesat" jauh, mungkin disebabkan beliau tidak mengikut arus Rukunegara atau sengaja tidak mahu mengikut arus Rukunegara ataupun tidak mendengar TV dan Radio tetapi mendengar cerita-cerita di tepi jalan sahaja.

Untuk faedah Yang Berhormat itu maka sukalah saya hendak menerangkan sedikit cara-cara Radio dan TV Malaysia mengadakan "integration" ketiga-tiga aliran kebudayaan itu.

Usaha RTM ialah hendak mencantumkan ketiga-tiga aliran kebudayaan dan keturunan yang besar di negara ini iaitu orang-orang

Melayu; Cina dan India kepada satu aliran Malaysia tulin. Process ini bolehlah saya ibaratkan seperti arus TIGA BATANG SUNGAI—iaitu satu sungai Besar dicantumi oleh dua anak sungai. Air ketiga-tiga sungai itu datangnya dari mata air yang berlainan tetapi bercantum apabila menjadi satu jenis air iaitu apabila memasuki SUNGAI yang besar saya katakan tadi.

Rangka program RTM bukan lagi dapat dituntut sebagai hak satu-satu kaum tetapi adalah untuk semua keturunan.

Misalnya TV. Tiap-tiap orang menuntun TV—orang-orang Melayu; Cina dan Tamil. Alangkah sedihnya jika program-program diatur secara perpelang-pelang seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat iaitu—Melayu untuk Melayu sahaja, Cina untuk Cina sahaja dan Tamil untuk Tamil sahaja. Walhal kita semua menganggap dan bersumpah bahawa Malaysia ini negara "ibunda kita".

Malaysia tidak dapat menampung mereka yang masih mengikat dirinya dengan negara lain. Malaysia kenalah membentuk "identity"nya sendiri dan Malaysia tidak ada tempat untuk mereka yang masih melaung-laungkan "foreign ideology".

Saya katakan beliau sengaja tidak mahu mengakui kenyataan kerana talent-talent dan kebudayaan-kebudayaan semua keturunan ada dikacuk dan disesuaikan ke dalam program-program RTM. Apa yang kita tidak dapat bertolak ansur ialah *soal bahasa*.

Di samping program-program biasa yang mengandungi ketiga-tiga unsur kebudayaan, maka RTM mengadakan program-program khas. Misalnya pada hari raya; deepavali RTM tunjukkan program dan drama-drama yang bertima ugama dan kebudayaan Hindu sebagai title umpamanya (Cahaya Neraca dan Terpedaya) dalam Bahasa Malaysia. Bahasa adalah alat perpaduan dan semua rakyat Malaysia sudah menerimanya. Begitu juga dengan hari-hari kebesaran yang lain seperti Kong Hee Fatt Choy dan juga Krismas seperti Hari-hari Raya dan Sebagainya. Program-program ini adalah futuristic. RTM tekankan keseluruhan program radio dan TV di semua network (saluran) kepada hari-hari kebesaran itu dengan harapan hari-hari kebesaran itu dianggap bukan lagi hari satu-satu kaum tetapi adalah hari kebesaran negara dan semua rakyat Malaysia bersamasama merayakannya.

Dengan cara itu kita dapat menjalin perasaan muhibah dan merapatkan lagi tali persaudaraan antara satu dengan lain. Rangka program RTM digubal mengikut "aliran national" dan bukannya "aliran communal".

Mungkin Yang Berhormat itu dengan saya berbeza dari segi keturunan; adat resam serta ugama tetapi Yang Berhormat itu dengan saya mempunyai satu persamaan iaitu bahasa iaitu Bahasa Malaysia yang akan terus menerus menjadi kepunyaan bersama selagi beliau itu ada di Malaysia.

Saya berasa bimbang suara dari Dato Kramat itu merupakan suara yang sumbang sepertilah juga suara-suara yang kedengaran di hutan rimba. Saya katakan begitu kerana surat-surat yang datang kepada kami cukup banyak menyokong konsep RTM sekarang dalam usahanya hendak menyusun semula masyarakat dan menyatu-padukan rakyat yang berbilang keturunan kerana semua program RTM berdasarkan kepada Ruku-negara.

5.30 ptg.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berminat dan menyentuh perkara-perkara di bawah jagaan Kementerian saya di dalam perbincangan Laporan Kajian Semula Rancangan Malaysia Yang Kedua di Dewan yang mulia ini. Tetapi disebabkan sangat sedikit yang menyentuh berkenaan dengan Kementerian saya, maka sebelum saya menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu ingin saya memberikan sedikit pandangan laporan ini sebagai Ahli Jemaah Menteri Persekutuan dan juga sebagai Ahli Parlimen dari Sabah.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rancangan Malaysia Yang Kedua ini adalah tanggungjawab Jemaah Menteri tetapi walaupun begitu perlu diketahui yang cadangan-cadangan ataupun buah-buah fikiran dalam Rancangan Pembangunan ini adalah datangnya daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Tun Haji Abdul Razak kita dan juga daripada Allahyarham Tun Dr Ismail Al-Haj sebagai Timbalan Perdana Menteri ketika beliau masih berada bersama-sama

dengan kita. Cadangan-cadangan itu kemudian dibincangkan oleh Ahli-ahli Kabinet sebelum dipersetujui untuk menjadi satu rancangan negara.

Dengan sebab itu, saya sebagai seorang Menteri Persekutuan dari Sabah dan juga Ahli Parlimen dari Negeri itu, ingin menyampaikan perasaan yang tulus-ikhlas dan memberikan setinggi-tinggi terima kasih atas jasa dan rancangan-rancangan dan bimbingan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Rancangan-rancangan ini memerlukan tenaga dan fikirannya supaya mencapai cita-cita kita untuk menjadikan Malaysia satu negara yang bersatu-padu, maju, aman dan makmur. Gelaran "Bapa Pembangunan" yang diberi kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita adalah tepat dengan erti-kata yang sebenarnya. Kepada beliau kita haruslah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga dan mudah-mudahan Tuhan akan memberi petunjuk kepada beliau supaya beliau dapat memimpin kepada kita sehingga beberapa tahun lagi di masa yang akan datang.

Tugas-tugas pemimpin dalam negara kita ini terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sangat penting dan berat dan tidak begitu mudah dihadapi kerana masalah-masalah di Negeri ini bukanlah serupa dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh Negeri-negeri yang lain yang penduduknya hanya mempunyai satu kaum ataupun puak. Kita terpaksa bukan sahaja mencari jalan untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat yang tidak berada supaya dapat diperseimbangkan dengan mereka yang berada atau lebih bernasib baik, tetapi juga mencari jalan bagaimana memperseimbangkan keadaan ekonomi yang tidak begitu seimbang di antara satu puak dengan yang lain.

Di sini saya juga suka menyampaikan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Allahyarham Yang Berhormat Tun Dr Ismail bin Datuk Abdul Rahman. Kematian Allahyarham itu adalah satu kehilangan yang besar kepada kita dalam negara kita ini. Jasa-jasanya adalah tidak boleh diuraikan dengan perkataan sahaja. Sebagai Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham telah memainkan peranan yang penting dalam segi pembangunan negara ini. Beliau sentiasa mengeluarkan buah fikiran

yang jujur dan berani untuk memperbaiki kedudukan ekonomi dan mengatasi masalah-masalah masyarakat. Sebagai Menteri Dalam Negeri, beliau telah menyumbangkan kepada keamanan dan keharmonian negara kita ini. Dengan sebab itu, beliau telah memberi keyakinan kepada rakyat sekalian untuk menjamin masa depan mereka yang meriah. Saya berdoa kepada Tuhan yang Maha Kuasa supaya rohnyanya dicucuri rahmat dan ditempatkan di dalam golongan orang-orang yang beriman.

Mengenai masaalah memperbaiki taraf penghidupan ataupun menambahkan Keluaran Kasar Negara (Gross National Product), pada pandangan saya bahawa dengan memandangkan hasil bumi (natural resources) yang kita ada dalam negara kita ini dan dengan penyertaan oleh semua rakyat untuk mencapai hasrat tersebut, soal ini tidaklah begitu rumit. Tetapi yang rumitnya ialah bagaimana kita mencapai tujuan Dasar Ekonomi Baru supaya kekayaan negara akan benar-benar terbahagi mengikut kehendak-kehendak ataupun matlamat kita supaya dalam tempoh 17 tahun dari sekarang 30% daripada kekayaan adalah berada di tangan bumiputra. Saya kira ini adalah tugas-tugas dan tanggungjawab yang harus disedari dan diselesaikan oleh semua rakyat yang cintakan tanahair kita Malaysia ini. Saya tegaskan tarikh 17 tahun dari sekarang itu adalah semata-mata untuk mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa masa telah berjalan selama tiga tahun untuk menuju apa yang kita cita-citakan. Penilaian yang kita buat dalam masa tiga tahun ini, pada saya eloklah kita jadikan panduan bagi mencapai cita-cita kita dalam masa 17 tahun dari sekarang.

Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, jawatan pegawai-pegawai tinggi dalam Kerajaan adalah kebanyakannya masih di dalam tangan orang-orang yang bukan bumiputra. Di dalam firma-firma swasta, bilangan yang besar sekali pegawai-pegawai tinggi adalah dipegang oleh orang-orang yang bukan bumiputra juga. Begitu juga, dengan statistik yang ada sekarang, modal perniagaan orang-orang asing mempunyai lebih daripada 60% dan 20% di dalam tangan saudara kita orang-orang Cina. Cuma sebilangan kecil sahaja ataupun cuma 2% sahaja di dalam tangan orang-orang

bumiputra. Tetapi jika dibandingkan dengan penduduk di Malaysia ini, lebih daripada 50% adalah terdiri daripada penduduk-penduduk bumiputra. Keadaan ini adalah jauh dari yang ditujukan. Dengan contoh ini, memadailah untuk memberi penjelasan keadaan yang tidak seimbang kedudukan baik dari segi jawatan Kerajaan mahupun dari ekonomi kita di dalam negara kita ini. Jika kedudukan ini berterusan, saya percaya bahawa masa depan kita adalah gelap dalam usaha untuk mencipta masyarakat yang dikatakan adil.

Oleh yang demikian, suka saya merayu kepada semua rakyat di dalam negara kita ini supaya menganggap masalah ini sebagai masalah nasional dan bukan masalah untuk kaum bumiputra sahaja. Suka saya menegaskan di sini bahawa kemunduran bumiputra ini adalah masalah nasional dan harus dipandang bukan sahaja masalah yang dihadapi oleh kaum bumiputra, tetapi adalah harus dipandang oleh kita bersama. Pada pandangan saya, masalah ini mesti dihapuskan dengan secepat mungkin supaya semua rakyat daripada semua kaum di negeri ini pada amnya dapat diperseimbangkan. Dari itu, marilah kita bersama-sama bekerja kuat untuk mencapai matlamat kita bagi menyusun semula masyarakat supaya kita dapat menikmati perpaduan yang kukuh, maju dan makmur di hari-hari yang akan datang.

Setengah-setengah Ahli Yang Berhormat telah mengatakan bahawa Rancangan Pembangunan ini dibuat oleh Kerajaan hanya untuk sesuatu kaum sahaja dan tidak ada rancangan yang dikhaskan bagi lain-lain di negeri ini. Ini adalah tidak benar. Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit menerusi Kementerian saya ini bagi mendirikan bangunan-bangunan ataupun memberi kemudahan-kemudahan seperti hospital, sekolah, klinik, jalanraya-jalanraya dan jambatan-jambatan di negeri ini dari sejak beberapa tahun yang lampau. Kemudahan-kemudahan ini adalah bukan sahaja untuk kegunaan sesuatu kaum, tetapi adalah untuk semua rakyat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh setengah-setengah Ahli Yang Berhormat di Dewan ini mengenai Kementerian saya,

saya dapati sedikit sahaja perkara-perkara yang ditimbulkan sepanjang masa perbincangan selama lima hari yang lalu. Saya anggap ini adalah menunjukkan rasa puas hati Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terhadap kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan kita dalam tugas kita melaksanakan projek-projek bagi kegunaan semua rakyat dalam negara kita.

Sambil itu, ingin juga saya mengambil kesempatan di sini bagi menerangkan objektif-objektif Kementerian saya kepada Dewan ini. Tugas-tugas yang ternyata ialah menjalankan rancangan-rancangan pembangunan dan menyelenggarakan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalanraya-jalanraya dan bangunan-bangunan dan juga memberi perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang perlu bagi mencapai tujuan-tujuan Kerajaan Malaysia seperti yang berada dalam Rancangan Malaysia Kedua kita dan memberi kemudahan-kemudahan tenaga yang perlu melalui Lembaga Letrik Negara untuk pembangunan negara khususnya melalui Rancangan Bekalan Letrik Luarbandar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kementerian saya bertanggungjawab terhadap pembinaan jalanraya-jalanraya, tetapi setengah-setengah daripada jalanraya-jalanraya yang dibina dalam negara kita ini, terutama sekali jalanraya-jalanraya yang kecil adalah terletak di bawah jagaan Kerajaan-kerajaan Negeri. Jalan-jalan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah dan juga Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis adalah jalan-jalan yang terletak di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, saya akan menyampaikan rayuan ini kepada Kerajaan Negeri Sarawak supaya dapat dipertimbangkan. Sekianlah sahaja.

5.48 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil masa sedikit Dewan ini untuk menjawab beberapa teguran dan juga cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbincangan mengenai Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua ini.

Sebelum itu, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan teguran-teguran-nya itu dan segala teguran dan cadangan itu akan diambil perhatian.

Ada dua perkara besar yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertamanya mengenai masalah Cukai Jualan, dan keduanya mengenai penarikan di atas sekatan impot kepada barang-barang. Mengenai masalah Cukai Jualan ini sebagaimana yang kita maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun memberi jawapannya pada 26 harihulan yang lalu dan saya pun telah menjawab perkara ini di dalam masa Soal-Jawab, dan saya rasa tidak ada apa yang hendak saya tambah kepada jawapan-jawapan yang telah diberikan mengenai masalah Cukai Jualan.

Mengenai masalah penarikan ke atas sekatan impot, saya bersetuju dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian tadi, dan saya suka menambah di sini bahawa Kerajaan akan mengkaji daripada semasa ke semasa semua barang-barang yang sekarang ini dikenakan sekatan impot dengan maksud untuk menentukan samada sekatan-sekatan itu boleh ditarik balik ataupun tidak. Akan tetapi saya suka menyatakan di sini bahawa sebarang penarikan balik sekatan impot adalah bergantung kepada keperluan negara pada sesuatu masa dan juga kepada perlunya bantuan diberikan kepada perusahaan tempatan.

Satu perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah mengenai Credit Guarantee Corporation sebagaimana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Star. Beliau mencadangkan supaya Credit Guarantee Corporation ini dapat juga memberi pinjaman kepada orang-orang yang bukan Melayu. Suka saya nyatakan di sini bahawa corporation ini sekarang sedang pun menjalankan dasar memberi pinjaman kepada semua kaum yang memerlukan pinjaman daripada bank-bank Corporation ini dibentuk untuk memberi jaminan setinggi-tingginya sebanyak 60% kepada pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan kepada sesiapa juga ataupun kepada mana-mana kumpulan tidak kira bangsa untuk projek-projek kecil dalam berbagai bidang seperti pertanian, perikanan, perindustrian kecil dan perniagaan kecil.

Saya harap dengan keterangan ini bahawa salah faham atau kekeliruan yang telahpun timbul itu akan dapat dihapuskan. Dan bagi orang-orang Melayu bank-bank perniagaan telahpun digesa untuk menubuhkan unit-unit khas dan melantik pegawai-pegawai dengan tanggungjawab untuk menguruskan pinjaman kepada orang-orang Melayu. Pegawai-pegawai ini juga adalah dikehendaki mencari projek-projek bagi orang-orang Melayu yang layak diberi pinjaman serta berhubung rapat dengan peniaga-peniaga Melayu itu.

Seperkara lagi yang ditimbulkan ialah masalah kelebihan wang mengenai Rancangan Malaysia Kedua sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis. Saya suka menyatakan di sini bahawa masalah kelebihan wang ini tidaklah boleh kita tentukan pada jangka masa ini. Perbelanjaan yang dijalankan adalah mengikut program pelaksanaan dan berdasarkan kepada had perbelanjaan yang telahpun dipersetujui. Maka dengan itu sehingga tempuh Rancangan Malaysia Kedua ini tamat, maka segala perbelanjaan yang berlebihan atau tidak belumlah dapat kita tentukan lagi.

Akhirnya, mengenai perkara ganjaran kepada Balu Allahyarham Tun Dr Ismail. Sukacita saya nyatakan di sini bahawa tindakan sedang pun diambil untuk membayar ganjaran kepada beliau dan bayaran pendahuluan sebanyak \$40,000 telahpun diberi.

5.54 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memberi ribuan terima kasih atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Saya tidaklah dapat menjawab semua daripada teguran-teguran yang telah dikemukakan dengan secara teliti. Saya hanya cuba akan memberi jawapan yang saya fikir perlu penjelasan yang tegas.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menjawab mengenai perkara-perkara yang di bawah Kementerian saya sendiri dan juga mengenai perkara-perkara yang berbangkit di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Dalam perkara-perkara yang dibangkitkan di bawah

Kementerian saya sendiri, saya ingin menjawab dua perkara, iaitu satu perkara mengenai soal perusahaan minyak, dan satu perkara lagi mengenai soal perusahaan kayu-kayan.

Mengenai perusahaan minyak, Ahli Yang Berhormat dari Kampar telahpun memberi pandangan bahawa sistem yang kita amalkan sekarang ini (Kerajaan hanya menerima royalty dan cukai-cukai pendapatan daripada pengurus-pengurus minyak) tidaklah cukup bagi negara kita ini, kerana tidak memberi cukup kawalan atas satu barang yang sangat kurang pada masa sekarang ini. Saya memanglah bersetuju dengan teguran-teguran Ahli Yang Berhormat itu. Maka itulah sebabnya dalam setahun lebih dahulu saya telahpun merancangkan satu sistem baru dengan mana kita sebagai Kerajaan akan dapat hak milik yang utama atas semua natural resources kita, terutama sekali atas minyak yang akan terdapat di dalam kawasan negara kita ini. Sistem yang saya telah dapat buat itu dinamakan "Sistem Kongsi Pengeluaran" (Production Sharing) dan berasas kepada sistem yang telah nampak berjalan cukup licin di negara tetangga kita, Indonesia. Di bawah sistem ini semua hak milik mengenai kekayaan hasil bumi kita adalah terletak dalam tangan Kerajaan dan syarikat-syarikat luar negeri yang ingin hendak menjalankan perusahaan-perusahaan minyak hanya mendapat upahan sebagai kontrekter ataupun pemborong mencarigali minyak dan kemudian kalau bernasib baik mengeluarkan minyak daripada kawasan dalam negara kita ini.

Saya tidak akan bercakap dengan luas atas sistem ini, kerana saya percaya Ahli Yang Berhormat mungkin ada peluang untuk mengkaji dengan cara teliti lagi sistem production sharing ini apakala Kerajaan mengemukakan dasar baru ini dengan secara resmi, terutama sekali apakala sebuah undang-undang baru mengenai minyak akan dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telahpun meminta supaya Kerajaan pada masa sekarang ini memikir sedalam-dalamnya cara-cara hendak mendirikan lebih banyak lagi perusahaan-perusahaan yang berasaskan kepada minyak. Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu adalah sangat baik. Sebenarnya Kerajaan sudahpun dalam setahun yang lepas memikir sedalam-dalamnya atas soal ini.

Saya sendiri selepas perjumpaan saya dengan Kerajaan Itali telahpun mendapat persetujuan pada dasarnya daripada mereka untuk menjalankan satu survey atas kemungkinan-kemungkinan mendirikan perusahaan-perusahaan petrochemical yang akan mengeksploitkan bukan sahaja pasaran dalam negeri ini, tetapi pasaran rantauan ataupun pasaran di dalam dunia. Selepas survey itu dijalankan barulah kita dapat tahu bagaimana kita dapat merancangkan apakah perusahaan-perusahaan petrochemical yang akan dapat kita dirikan dalam negara kita ini. Soal ini adalah soal teknikal yang sangat rumit, kerana kita tidak dapat mendirikan sebuah refinery ataupun kilang penapis minyak yang baik melainkan kita tahu apakah jenis-jenis perusahaan petrochemical yang kita akan dirikan menggunakan products daripada penapis-penapis minyak itu nanti. Satu-satu product daripada refinery menghendaki design yang tertentu. Kalaulah kita salah membuat design refinery, mungkin juga kita akan berbelanja beratus juta ringgit untuk mengubahkan design itu nanti.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

Jadi oleh sebab itu, maka saya fikir adalah bijak bagi pihak Kerajaan untuk menjalankan survey itu dahulu sebelum kita mengambil keputusan atas apa-apa jenis petrochemical yang kita akan dirikan dalam negara kita ini.

Mengenai perusahaan kayu-kayan, ada dua teguran. Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah menyatakan bahawa mengikut rupa amalan yang dipandang oleh beliau di negeri Sarawak, banyak lesen yang telah diberi kepada orang-orang yang bukan bumiputra walaupun setengah-setengah daripada mereka ini telah baru-baru ini ternampak menyokong kominis. Malahan bumiputra tidak diberi peluang yang cukup untuk menikmati perkembangan perusahaan kayu-kayan di Sarawak.

Kemuskilan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah itu adalah benar. Kalau diperhatikan keadaan pengeluaran lesen pada masa dahulu. Tetapi semenjak tahun 1967 Kerajaan Sarawak telahpun membekukan pengeluaran lesen-lesen untuk membalak di kawasan-kawasan yang cukup besar. Sejauh yang saya tahu, sebagai

langkah untuk memberi penyertaan kepada bumiputra dalam perusahaan kayu-kayan, Kerajaan sudahpun menyediakan sebanyak 3 juta ekar hutan di Sarawak untuk perusahaan bersama ataupun joint-venture dan kompleks kayu-kayan. Dijangka lebih kurang 10 kompleks-kompleks kayu-kayan akan diadakan di Negeri Sarawak. Kompleks-kompleks ini akan menjadi cara asas menambahkan pekerjaan yang boleh disertai oleh kaum-kaum bumiputra dan juga untuk membawa bumiputra sedikit demi sedikit menyertai dalam perusahaan kayu-kayan daripada segi pengurusan dan milik saham.

Ahli Yang Berhormat dari Payang telahpun bertanya samada Sekolah Latihan bagi Perhutanan boleh dibuat sebuah lagi di Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kedua ini ataupun di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sebenarnya, soal untuk meletakkan Sebuah Sekolah Latihan Perhutanan telahpun disyorkan oleh pihak F.I.D.P. tetapi oleh sebab kawasan yang diselidiki itu telahpun dikeluarkan untuk dijadikan sebagai kompleks kayu-kayan, maka Kerajaan Sarawak sendirilah mesti memikirkan samada kawasan itu akan terus dibuatkan sebagai kawasan latihan perhutanan dengan syarat menyuruh pihak swasta ataupun pihak Kerajaan menjalankan latihan itu kelak.

Perumahan

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal perumahan, saya ingin hendak menjawabkan teguran yang sangat hebat daripada Yang Berhormat Ahli dari Bandar Melaka. Beliau telahpun menyatakan bahawa dalam Bandar Kuala Lumpur terdapat 250,000 orang ataupun $\frac{1}{4}$ daripada penduduknya yang tinggal dalam pondok-pondok buruk dan penuh sesak. Dengan kenyataan ini beliau memberi kesimpulan yang penduduk Kuala Lumpur berjumlah 1 juta orang padahal ini tidaklah benar. Penduduk Bandar Kuala Lumpur adalah kurang lebih $\frac{1}{2}$ juta sahaja dan keluarga stingingan berjumlah 26,000 sahaja dalam tahun 1969 dan dari angka ini lebih kurang 6,000 telahpun ditempatkan semula di rumah-rumah pangsa dan di bawah Rancangan-rancangan Penempatan Semula di sekitar kawasan bandaraya.

Beliau kemudiannya merujuk kepada 6,357 unit rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan dan berpendapat bahawa ini adalah satu angka yang sangat kecil. Sekiranya beliau

membaca Perenggan 632 dalam Laporan Setengah Penggal dengan lebih teliti lagi, maka beliau akan terlihat yang angka ini tidaklah termasuk rumah-rumah yang dibina oleh lain-lain ejensi seperti Kerajaan Negeri melalui State Development Corporation, UDA, Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sdn. Bhd., Rancangan Perumahan Angguta Polis, Angkatan Bersenjata dan sebagainya. Beliau juga telah lupa menyebutkan tentang 8,400 rumah murah yang dibina untuk peneroka-peneroka FELDA. Elok juga saya sebutkan di sini untuk menjelaskan tanpa memberi perincian bahawa jumlah peruntukan rancangan perumahan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ialah sebanyak \$172 juta. Ini bertujuan untuk Rancangan-rancangan Rumah Murah Awam, Rancangan Perumahan Kakitangan Kerajaan, Rancangan Perumahan Pekerja Buruh Kasar dan rancangan perumahan yang diusahakan oleh syarikat-syarikat kerjasama dan sebagainya. Jumlah ini telah ditambah menjadi \$240 juta. Di lain-lain sektor dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua terdapat juga peruntukan sebanyak \$374 juta untuk Rancangan-rancangan Perumahan FELDA, Polis, Angkatan Bersenjata dan termasuklah wang sebanyak \$122.7 juta yang akan diperolehi dari bank-bank perniagaan sebagai pinjaman kepada Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sdn. Bhd. Tidak termasuk di dalamnya jumlah yang tersebut ada juga perbelanjaan daripada pihak UDA mengenai perumahan untuk menjayakan Rancangan-rancangan Pembangunan Bandaraya dan perbelanjaan untuk perumahan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dari hasil yang mereka perolehi. Kalau dikira dengan seluruhnya jumlah peruntukan untuk perumahan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua didapati jauh melebihi \$600 juta. Saya fikir tidaklah boleh kita anggapkan angka setinggi itu sebagai: just a drop in the ocean, mengikut kata Ahli Yang Berhormat itu.

Secara fizikal selain daripada 6,357 yunit yang telah dibina itu, pihak FELDA telah menyiapkan 8,400 yunit. Sebanyak 7,560 pinjaman telah diluluskan kepada pekerja-pekerja Kerajaan yang mengandungi 7,560 buah rumah yang telah dibina atau sedang dibina. Oleh yang demikian, ini bererti bahawa berjumlah 22,300 yunit tidak termasuk rumah-rumah yang dibina oleh Angkatan

Bersenjata, Polis, UDA dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang menggunakan wang mereka sendiri.

Ahli Yang Berhormat itu kemudiannya menganggarkan bahawa 35,000 rumah murah perlu dibina tiap-tiap tahun berdasarkan kepada kenaikan bilangan penduduk-penduduk tiap-tiap tahun, tanpa mengira tunggukan yang ada sekarang ini. Cara mengira ini tidak akan memberi gambaran yang sebenarnya. Akan tetapi mengikut Banci Perumahan Malaysia Barat Tahun 1970, kiraan khasnya menunjukkan 68,600 yunit sedang dibina tiap-tiap tahun—50,090 dalam kawasan-kawasan luar bandar dan 18,520 dalam kawasan bandar. Angka ini adalah berlebihan daripada anggaran yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat iaitu sebanyak 45,000 yunit satu tahun.

Perenggan 655 dalam Kajian Setengah Penggal menganggarkan 100,000 yunit akan dapat disiapkan dalam tahun 1971—1975 berdasarkan kepada pembinaan perumahan awam dan angka mengenai perumahan swasta yang diusahakan oleh pemaju-pemaju yang memajukan kawasan-kawasan perumahan yang kebanyakannya terdapat dalam kawasan-kawasan bandar.

Pembinaan rumah di luarbandar kebanyakannya diusahakan oleh orang perseorangan didapati agak besar juga dan barangkali Ahli Yang Berhormat itu telah lupa agaknya atas perkara ini. Pihak Kerajaan sebagai tanggungjawabnya telah menyiarkan Banci Perumahan Malaysia Barat Tahun 1970 dengan menunjukkan tiap-tiap Negeri Jadual-jadual Perumahan Am dan mengandungi data yang detail perumahan, pecahan di antara bandar dan luar bandar, kemudahan-kemudahan dalam rumah-rumah, swasta, bilangan penghuni sesebuah rumah dan sebagainya. Kami sekarang ini dalam peringkat akhir dalam menganalisa kualitatif dan dengan selesainya analisa ini, maka kita dapatlah mengira dan meramalkan dengan agaknya tepat sedikit, bilangan-bilangan rumah yang perlu diganti, bilangan rumah yang hendak dibina bagi keluarga-keluarga baru, bilangan rumah yang perlu diperbaiki atau dinaikkan tarafnya dengan mengadakan kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, tandas, bekalan letrik dan sebagainya. Pelan-pelan akan direka untuk memenuhi keperluan perumahan sebagai yang dinyatakan di atas.

Sungguhpun agak jelas bahawa mengikut kadar pembinaan sekarang, maka kejayaan pihak Kerajaan dalam tahun 1971 hingga 1973 bukanlah kecil bilangannya.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga menyebut tentang kenaikan harga tanah, bahan-bahan binaan dan rumah. Adalah jelas baginya bahawa salah satu daripada sebab-sebab wujudnya keadaan ini berakibat daripada bertambahnya aktiviti pembinaan yang berlaku oleh sebab Kerajaan dan pihak swasta telahpun berkehendak lebih banyak bangunan-bangunan dan jambatan-jambatan yang berkehendak kepada bahan-bahan pembinaan. Semua aktiviti ini telah mewujudkan permintaan yang mendesak-desak apakala dinaikkan lagi rancangan perumahan dan ada lagi permintaan yang lebih daripada pihak swasta. Sungguhpun harga barang naik, langkah-langkah sedang diambil untuk men-setabilkan harga barang-barang ini terutama sekali bahan-bahan binaan.

Ahli Yang Berhormat itu akan terlihat daripada perenggan 494, impot bahan-bahan binaan utama telah dilonggarkan pengeluaran dan ada juga rancangan-rancangan lain seperti memotong cukai impot (import duty) dan lain-lainnya seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dapat ketahui daripada kenyataan yang baharu-baharu ini dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri.

Ahli Yang Berhormat itu mencadangkan pembangunan sektor swasta hendaklah diketepikan oleh kerana mereka itu memberi kemudahan kepada golongan yang berpendapatan pertengahan dan tinggi sahaja. Saya tidak dapat bersetuju dengan kenyataan ini, kerana kebanyakan daripada kemajuan perumahan adalah dalam kawasan yang mengandungi rumah-rumah berderet dan rumah-rumah berderet satu tingkat untuk mereka dalam golongan yang berpendapatan pertengahan dan bawah pertengahan (middle and lower middle income groups) jika tidak golongan yang berpendapatan rendah. Tambahan lagi, dengan bertambahnya pembangunan perumahan yang dilakukan oleh sektor swasta akan melibat penurunan sewa rumah (activity in the private sector will help eventually the reduction of rent). Pada masa ini terdapat kecenderungan yang kuat di kalangan Kerajaan-kerajaan Negeri dan Perbadanan-

perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri hendak berkongsi dengan pemaju-pemaju swasta dalam membina rumah-rumah berderet yang berharga lebih murah khasnya untuk lower income groups.

Sebagaimana yang dinyatakan tadi, peruntukan bagi rancangan rumah murah awam adalah besar. 12,000 yunit rumah murah awam akan dibina sebelum tahun 1975, 9,600 buah rumah murah untuk peneroka-peneroka FELDA dan sebahagian besar rumah pula untuk kakitangan rendah Angkatan Bersenjata dan Polis. Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Berhad sedang membina dengan banyaknya rumah-rumah berderet di Ladang-ladang Seaport dan Wardieburn untuk pekerja-pekerja Kerajaan dalam Bahagian III, IV dan Buruh Kasar.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat untuk satu Kementerian Perumahan yang berasingan ditubuhkan, ini tidaklah perlu kerana Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar adalah berkaitan sangat rapat dengan perumahan dan sepatutnya bersama-sama dibentuk dalam satu Kementerian. Seperti yang dinyatakan dalam Kajian Setengah Penggal penubuhan satu Jabatan Perumahan Negara telahpun dirancangan untuk menyelaraskan dan menasihatkan seluruh spektrem kemajuan perumahan awam dan swasta.

Akhirnya, Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang penyimpanan perumahan swasta untuk orang-orang Melayu yang dijual kepada mereka dengan potongan harga dan "subsidy" ditanggung oleh orang-orang yang membeli rumah-rumah yang lebih itu. Fahaman kami ialah apabila kelulusan perancang atau penukaran dan kelulusan pemecahan tanah diberikan berkaitan dengan mana-mana cadangan pembangunan perumahan, satu syarat dikenakan iaitu 30% daripada jumlah rumah itu hendaklah dijual kepada orang Melayu dan ini sedang dilakukan sebagai memenuhi arahan dan maksud Dasar Ekonomi Bahru kita dan untuk menyatukan berbagai suku kaum, dan dengan itu membuka jalan kepada kehidupan harmoni. Pemaju-pemaju perumahan diharap menyerapkan (to absorb) potongan harga yang ditawarkan dengan mengurangkan keuntungan yang diperolehi dan bukan menambah dengan seberat-beratnya harga-harga daripada pembeli-pembeli lain.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibü meminta supaya lebih banyak lagi Rancangan Rumah Murah dibina di Sarawak, terutama sekali di kawasan Bandar Sibü. Sukacita saya memberitahu bahawa Kerajaan Sarawak baru-baru ini telah menubuhkan sebuah Suruhanjaya yang dinamakan Sarawak Housing and Development Commission yang sekarang ini mengambil berat tentang kehendak-kehendak perumahan di Negeri Sarawak dan saya yakin bahawa Commission ini akan mengambil daya usaha untuk melaksanakan projek-projek Rancangan Rumah Murah di beberapa buah bandar termasuk Bandar Sibü. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan adalah bekerja dengan sangat rapatnya dengan Kerajaan Negeri, terutama dalam langkah-langkah untuk mempercepatkan pembangunan perumahan di setengah-setengah kawasan seperti Sibü dan Miri.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara merujuk kepada Pengawal Perumahan tentang kedudukan 30% daripada saham-saham syarikat mereka dengan Perbadanan Kemajuan Kerajaan Negeri dan mencadangkan bahawa dalam kerjasama yang seperti itu saham-saham yang ditawarkan oleh "Development Corporation" tadi mestilah mengikut nilai-nilai pasaran (market value). Cadangan ini akan diberi perhatian dan Kementerian ini akan merujukkan cadangan tersebut kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pertimbangan seterusnya, oleh kerana syarat penyertaan bersama dalam Pembangunan Perumahan Swasta dikenakan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Bruas mencadangkan supaya FELDA dapat meluaskan lagi pembinaan Rumah Murahnya ke kawasan-kawasan bandar dan kampung-kampung baharu dan menggunakan bekas-bekas kawasan lombong sebagai kawasan perumahan. Rumah-rumah Murah seperti dinyatakan tadi telahpun dibuat di kawasan-kawasan pra-bandar (separuh bandar) dan juga di bandar-bandar kecil, tetapi adalah tidak ekonomik untuk mendirikan rumah-rumah seperti itu di kawasan-kawasan bandar besar, kerana tidak adanya penyesuaian di antara harga rumah dengan harga tanah yang terlampau tinggi. Untuk menggunakan kawasan lombong, saya telah mengatakan bahawa Rumah-rumah Murah ada dibina di kawasan-kawasan yang tertentu seperti itu,

dan jika Kerajaan Negeri mengambil cadangan untuk menggunakan kawasan-kawasan seperti itu bagi projek-projeknya, maka pihak Kementerian akan menimbangkan perkara ini dengan sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung mencadangkan bahawa pembinaan Rumah-rumah Murah mestilah dirancang mengikut cara-cara yang boleh disesuaikan oleh kumpulan-kumpulan suku-kaum yang berbeza dan kumpulan-kumpulan yang pendapatannya berbeza-beza sebagai cara untuk menyusun semula masyarakat. Cadangan ini adalah diterima dan di atas sebab-sebab inilah Kerajaan Negeri meluluskan pembahagian dan pemecahan tanah dengan syarat bahawa sekurang-kurangnya 30% daripada rumah-rumah dalam kawasan-kawasan yang dibangunkan mestilah diuntukkan kepada orang-orang Melayu. Dalam Rancangan Rumah Murah Awam tiap-tiap kumpulan komuniti telah diuntukkan quota-quota yang tertentu bersesuaian dengan jumlah permohonan bagi kumpulan komuniti itu. Adalah dicadangkan supaya digalakkan percampuran penduduk-penduduk di kawasan-kawasan perumahan rumah murah seperti itu. Adalah tidak mustahil bagi penghuni-penghuni rumah yang berlainan pendapat seperti itu dibantu seberapa yang boleh dan diuntukkan semata-mata kepada kumpulan yang berpendapatan kecil.

Untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan soal hak-milik, perkara ini sedang diuruskan dan undang-undang ataupun pindaan undang-undang mungkin boleh dikemukakan. Walaubagaimanapun kerana soal tanah adalah dalam kuasa Kerajaan Negeri, hubungan dan rundingan dengan Kerajaan Negeri mestilah dijalankan sebelum dapat diselesaikan.

Kami mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bungsar di atas pendapat-pendapatnya berkenaan dengan kejayaan-kejayaan yang telah dan dijangka akan dicapai seperti terkandung dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua dan menunjukan seruannya untuk menambahkan usaha dalam bidang perancangan kawasan dan mengadakan perancangan kebendaan yang lebih luas untuk kawasan seperti Lembah Kelang (Kelang Valley). Saya pasti bahawa beliau sedar akan Kajian Lembah Kelang, kajian pamaritan untuk Bandaraya Kuala Lumpur

dan kajian polisi dan perancangan pengangkutan bandar untuk Bandaraya Kuala Lumpur juga. Cadangan-cadangan dan pendapat-pendapat yang akan timbul sudah tentu akan meluaskan kajian semula yang lebih luas berkenaan dengan perancangan pembangunan bagi Kuala Lumpur. Perhatian Ahli Yang Berhormat itu adalah ditarik kepada perenggan 275 di mana adalah dinyatakan bahawa peruntukan telah diadakan untuk kajian-kajian baru di atas perancangan kawasan dan bandar yang akan membantu penyusunan pelan-pelan induk untuk pembangunan kawasan yang lebih seimbang.

Jawapan seperti di atas seperti yang saya sebutkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka boleh juga diberi kepada Ahli Yang Berhormat dari Damansara yang telah mengadu tentang tidak cukupnya rancangan perumahan untuk mereka yang berpendapatan rendah. Kajian Semula Pertengahan menyatakan dengan jelas bahawa rancangan-rancangan pembaharuan bandar, perumahan awam dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik akan dipergiatkan lagi. Juga, jika beliau rujuk kepada perenggan 345 Kajian Semula Pertengahan menyatakan bahawa beberapa cadangan untuk memberi bantuan kepada kalangan-kalangan pendapatan rendah sedang diselenggarakan. Satu di antaranya ialah tindakan untuk mempercepatkan rancangan-rancangan perumahan murah dan pembekalan kemudahan-kemudahan sosial.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu untuk membesarkan lagi kawasan-kawasan dalam Negeri-negeri untuk perumahan, adalah dimaklumkan bahawa ini sedang dijalankan melalui rancangan-rancangan pembangunan kawasan seperti Pahang Tenggara dan bandar-bandar baru seperti Shah Alam dan Bangi. Beberapa ratus ekar tanah di Estet Wardieburn dan Seaport sedang dimajukan untuk perumahan. Beberapa rancangan perumahan telah juga dilaksanakan di atas tanah-tanah yang dahulunya digunakan untuk perlombongan, misalnya di Kampung Pandan dan Cheras.

Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Ajensi Perumahan Awam merencanakan sebuah rumah yang berharga tidak lebih daripada \$10,000 adalah menarik hati, oleh sebab kalangan-kalangan pendapatan rendah pun tidak dapat menikmati rumah-rumah

saperti itu. Sebenarnya rumah-rumah yang berharga lebih kurang telahpun di reka dan dibina dengan luasnya.

Akhirnya, kenyataan-kenyataan dari Ahli Yang Berhormat bahawa penyenggaraan rumah-rumah di Bandaraya Kuala Lumpur tidak memuaskan adalah tidak benar. Dewan Bandaraya dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor menyelenggarakan estet-estet perumahan masing-masing dengan sesungguhnya. Dengan adanya satu dua aduan yang diterima ini bukanlah bererti bahawa penyenggaraan di dalam kawasan tersebut tidak dijalankan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, itulah penerangan-penerangan yang dapat saya berikan bagi menjelaskan lagi pertanyaan dan teguran-teguran yang telah dibangkitkan mengenai dua Kementerian yang saya sebutkan tadi di dalam Dewan ini.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu urusan-urusan yang ada di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditempohkan dan menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu urusan-urusan yang ada di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditempohkan dan menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.28 petang.